

**Implikasi Peruntukan Islam dan Orang Melayu dalam
Perlembagaan Persekutuan Terhadap Hubungan Etnik
Di Malaysia**

*(The Implications of the Provisions for Islam and the Malays in
the Federal Constitution on Ethnic Relations in Malaysia)*

NAZRI MUSLIM

Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia
nazrim@ukm.my

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia. Kajian ini melibatkan seramai 800 responden yang dipilih dari empat buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Data kajian diperolehi melalui soal selidik yang dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min, statistik jadual silang (*crosstabulation*) dan *correlation coefficient* digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan persepsi pelajar tentang implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu terhadap hubungan etnik di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan perihal Islam dan orang Melayu sangat memberi implikasi terhadap hubungan etnik di Malaysia kerana pelajar Melayu khususnya masih lagi sensitif dan peka terhadap hal yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu. Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan isu berkaitan dengan agama Islam dan orang Melayu ini sering muncul. Antaranya seperti semangat tolak ansur dan persefahaman dalam kalangan rakyat yang semakin luntur, peranan media massa dalam mensensasikan isu yang melibatkan kedudukan istimewa orang Melayu dan Islam serta tiadanya pengetahuan tentang sejarah penggubalan kontrak sosial. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi menangani isu berkaitan dengan peruntukan orang Melayu dan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya, kajian ini turut menyumbang kepada bidang ilmu kerana metodologinya berbentuk kuantitatif, berbeza dengan kebanyakan kajian sebelum ini yang dilakukan secara kualitatif serta menghasilkan satu instrumen soal selidik untuk kajian selanjutnya.

Kata kunci dan frasa: Peruntukan orang Melayu, peruntukan Islam, unsur-unsur tradisi, etnik, Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Abstract. This research examined the level of knowledge, understanding, acceptance and perception among public university students of the implications of the provisions for Islam and the Malays in the Malaysian Constitution on

ethnic relations in Malaysia. The research involved 800 respondents from four public universities. The results show that the provisions have far reaching implications on ethnic relations in Malaysia as Malay students, in particular, are still sensitive and responsive to matters pertaining to Islam and the Malays. The reasons for this, among others, are the declining level of tolerance and understanding among the people, the role of the media in sensationalising the special status of Islam and the Malays, and also the lack of historical knowledge. Based on these findings, suggestions are made to address the issue pertaining Islam and the Malays in Federal Constitution. The study contributes towards the area in terms of the quantitative methodology employed that may be replicated in future research.

Keywords and phrases: *Provisions for the Malays, provisions for Islam, traditional elements, ethnic, Malaysian Federal Constitution*

Pengenalan

Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, begitu beriltizam ke arah mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi antara etnik dan wilayah (Malaysia 2006). Perpaduan dan integrasi ini penting bagi menjamin kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang etnik dan mempunyai wilayah yang terpisah di antara negeri-negeri. Jadual 1 jelas menunjukkan bahawa terdapat tiga etnik yang besar di Malaysia iaitu Bumiputera (Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak), Cina dan India yang masing-masing merangkumi 65.9%, 25.3% dan 7.5% dari jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2005. Statistik ini memperlihatkan kemajmukan masyarakat di Malaysia yang terbahagi kepada tiga etnik yang besar iaitu Bumiputera yang terdiri daripada etnik Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak, Cina dan India serta lain-lain etnik.

Jadual 1. Komposisi penduduk Malaysia, 2000–2010 (juta orang)

Jumlah Penduduk (Juta)	Tahun 2000		Tahun 2005		Tahun 2010	
Bumiputera	14.56	66.1%	16.06	65.9%	17.95	67%
Cina	5.58	25.3%	6.15	25.3%	6.52	24.3%
India	1.63	7.4%	1.83	7.5%	1.97	7.4%
Etnik lain	0.27	1.2%	0.32	1.3%	0.35	1.3%
Jumlah Penduduk	22.04	100%	24.36	100%	26.79	100%

Sumber: Rancangan Malaysia Kesembilan 2006–2010 (2006, 30)

Kemajmukan ini seterusnya akan membawa kepada wujudnya isu-isu dalam hubungan etnik di Malaysia. Menurut Ratnam (1969), isu-isu bahasa, agama, kedudukan istimewa orang Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu akan menentukan suasana hubungan etnik pada masa hadapan dan bergantung kepada langkah yang diambil untuk menyelesaikan persoalan tentang kedudukan istimewa orang Melayu, agama dan bahasa.

Pernyataan Masalah

Isu-isu dalam hubungan etnik di Malaysia telah mengalami banyak perubahan dalam tempoh lima dekad lalu. Hubungan etnik negara ini telah melalui beberapa fasa bermula sejak negara mula bergerak ke arah kemerdekaan sehinggalah mutakhir ini. Menurut Chandra Muzaffar, kontroversi kaum di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa fasa, bermula dari tahun 1950-an. Pada ketika itu, isu kewarganegaraan dan kontrak sosial mendominasi hubungan kaum, diikuti dengan isu bahasa pada tahun 1960-an sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), manakala isu kuota dan urbanisasi mencorakkan hubungan etnik sekitar tahun 1970-an dan 1980-an. Dalam tahun 1990-an dan milenium pula, isu-isu agama mempunyai pengaruh besar dalam hubungan etnik di negara ini. Isu-isu berkenaan agama yang muncul sejak akhir-akhir ini, berbanding isu-isu lain dalam hubungan kaum di Malaysia, menurut Chandra Muzaffar begitu kritikal impaknya (Baharum Mahusin 2006). Pandangan ini disokong oleh Syed Husin Ali (2008) yang menyifatkan sentimen hubungan etnik pada masa kini berada pada tahap tinggi yang boleh menyebabkan konflik dan pertumpahan darah. Kajian menunjukkan bahawa terdapat 21 kes konflik perkauman antara 1945 hingga Mei 1969 di Malaysia. Sementara itu, terdapat dua konflik perkauman yang terkini iaitu di Kampung Rawa, Pulau Pinang pada tahun 1998 dan Kampung Medan pada Mac 2001 (Azman Amin Hassan 2005).

Jadual 2. Konflik sosial dari tahun 1996–2002 yang dilaporkan

Jenis Konflik/Tahun	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	Jumlah
Agama	7	2	25	11	8	9	3	65
Pergaduhan kaum	12	4	10	5	8	28	14	81
Gangguan awam	0	0	4	2	2	1	1	10
Pembunuhan	0	1	0	0	0	0	0	1
Keselamatan	6	0	1	7	6	17	1	38
Perkauman	2	2	1	1	1	0	0	7
Pendidikan	1	0	0	0	0	0	0	1
Penindasan	0	1	0	0	0	0	0	1

Jenis Konflik/Tahun	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	Jumlah
Masalah sosial	1	0	4	0	0	2	0	7
Protes	0	0	10	8	0	0	1	19
Politik	1	0	8	31	8	13	15	76
Ekonomi	0	0	4	0	1	2	1	8
Kejiranan	3	3	0	0	0	3	0	9
Setinggalan	0	0	0	0	0	0	3	3
Lain-lain	0	0	0	0	0	0	1	1
Jumlah	33	13	67	65	34	75	40	327

Sumber: Dipetik dari Azman Amin Hassan (2005, 111)

Berdasarkan statistik dan pemantauan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, terdapat 327 kes yang dilaporkan berkaitan dengan konflik sosial dari tahun 1996 hingga 2002. Jadual 2 menggambarkan dengan lebih terperinci konflik perkauman yang berlaku di negara ini dengan 81 kes berkaitan dengan pergaduhan kaum iaitu yang tertinggi, diikuti 76 kes politik, 65 konflik agama dan sebagainya. Kebanyakan pergaduhan kaum melibatkan pelajar sekolah yang dikategorikan sebagai masalah disiplin. Namun demikian, jika perkara ini tidak dicegah dan dipantau dengan sebaiknya, ia akan memberi kesan yang serius terhadap masa hadapan.

Berdasarkan Jadual 2, agama adalah antara perkara sensitif untuk diperdebatkan seperti sensitifnya perdebatan berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Perbincangan tentang agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan sering mengundang kontroversi khususnya pada dekad 1990-an dan milenium, dengan isu-isu yang dianggap menggugat kedudukan Islam di Malaysia mula dibangkitkan melalui saluran perundangan. Keadaan ini dapat ditunjukkan melalui beberapa kes yang menjadi perbincangan masyarakat seperti Azlina Jailani, Kamariah Ali, Muhammad Abdullah@Moorthy, desakan untuk meminda atau memansuhkan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan, cadangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama-Agama (*Interfaith Commission of Malaysia*, IFC), penubuhan kumpulan pendesak hak kebebasan beragama yang dikenali sebagai *Article 11* dan lain-lain (Zainal Abidin Borhan 2008; Narizan Abdul Rahman 2007).

Dalam persoalan kontrak sosial, persetujuan yang tidak direkodkan itu diterima oleh golongan bumiputera dan pendatang dengan syarat, mereka sanggup menerima kedudukan istimewa orang Melayu dan elemen lain sebagai balasan atas kesanggupan peribumi menerima mereka sebagai warganegara yang mempunyai hak asasi seperti hak mengundi dan seumpamanya. Namun begitu, timbul persoalan tentang sejauhmana persetujuan ini boleh diterima oleh generasi

muda hari ini (Awang Sariyan 2008). Hal ini kerana pada peringkat awal, tradisi dan karisma pemimpin dianggap sebagai asas yang kuat untuk membina keabsahan sesuatu undang-undang tetapi masyarakat moden hari ini memerlukan undang-undang yang berdasarkan rasional selaras dengan perubahan yang telah berlaku dalam negara (Faridah Jalil 2007).

Di samping itu, Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional Lima Tahun (2005–2010) menyatakan bahawa isu-isu seperti mencabar kontrak sosial ataupun pergeseran keagamaan dan bahasa seringkali dibangkitkan dan boleh menimbulkan konflik yang berpanjangan jika tidak ditangani dengan baik dalam konteks hubungan etnik di Malaysia (Malaysia 2004). Berdasarkan Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional Lima Tahun (2005–2010), ternyata isu-isu ini berperanan sebagai penstabil politik dan pemupuk perpaduan serta memberi kesan terhadap hubungan etnik di Malaysia. Peranan ini turut dipersetujui oleh Mohd Salleh Abas (1985) yakni unsur-unsur tradisi diperlukan untuk kestabilan serta kemajuan dan memainkan peranan penting dalam perjalanan perlembagaan. Namun demikian, adakah peranan unsur-unsur tradisi ini sebagai faktor penstabil politik dan pemupukan perpaduan memberi kesan terhadap hubungan etnik di Malaysia?

Begitu juga dengan persepsi sebahagian masyarakat bukan Melayu yang menganggap kontrak sosial ini sebagai sesuatu yang dikaitkan dengan kewarganegaraan yang diberikan kepada mereka yang pada masa itu terdiri daripada imigran. Lantaran itulah generasi bukan Melayu sekarang menganggapnya sebagai suatu perkara yang sudah pun berlalu. Golongan ini tidak peduli akan perlunya untuk membangkitkan lagi perkara ini kerana bagi mereka kewarganegaraan adalah sesuatu yang diberikan secara automatik. Mereka berpendapat bahawa kompromi ini hanya untuk jangka masa tertentu dan tidak lagi relevan pada masa kini (Zainal Kling 2008). Orang Melayu menganggap peruntukan sedemikian sebagai sesuatu yang suci, manakala sesetengah orang bukan Melayu mempersoalkan sama ada peruntukan tersebut adalah berkaitan dan masih mengikat sehingga ke hari ini (Faaland, Parkinson dan Rais Saniman 2002).

Hal ini ditambah lagi dengan sikap mahasiswa yang tidak memahami unsur-unsur tradisi yang menjadi teras perpaduan di Malaysia. Dewasa ini sudah jelas kelihatan akan wujudnya kecenderungan dalam kalangan generasi muda untuk mula mempertikaikan kontrak sosial yang selama ini menjadi teras perpaduan dan persefahaman antara etnik. Golongan ini telah mula mempersoalkan semula kedudukan istimewa orang Melayu, peranan bahasa Melayu serta kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara (Hasnah Hussin 2007). Penjelasan ini menunjukkan timbulnya persepsi bahawa generasi muda bukan Melayu tidak bersetuju dengan kontrak sosial manakala generasi muda Melayu pula tetap

bersetuju dengan kontrak sosial, namun wujud kemusykilan sama ada persepsi ini terbukti benar atau tidak.

Selanjutnya, kedudukan dan pelaksanaan unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan tidak pernah sunyi daripada kritikan dan persoalan kerana etnik bukan Melayu merasakan bahawa unsur-unsur tradisi ini menjadikan sistem yang wujud itu tidak demokratik. Persoalan dan polemik tentang unsur-unsur tradisi sering kali timbul dan ditimbulkan. Menurut Faridah Jalil (2007), pertentangan berhubung dengan peruntukan kedudukan istimewa orang Melayu merupakan perbincangan yang sering mengalami pasang surut. Hal ini boleh dilihat dalam konsep persamaan yang dipelopori oleh *People Action Party* (PAP) di bawah slogan *Malaysian Malaysia* yang disifatkan sebagai satu bentuk diskriminasi dan layanan tidak adil hasil daripada Perkara 153. Akan tetapi, orang Melayu berasa tidak senang, tergugat dan telah melihat slogan ini sebagai satu percubaan untuk mempersoal dan mengurangkan kedudukan mereka yang akhirnya membawa kepada pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965 (Mohd Salleh Abas 1985). Berbeza dengan proses kerakyatan melalui prinsip *jus soli* yang diterima sepenuh hati oleh semua pihak, syarat-syarat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan orang Melayu masih dicabar dan digugat dari semasa ke semasa, walhal perkara ini telah dipersetujui oleh orang bukan Melayu dan diterapkan ke dalam perlembagaan yang menjadi undang-undang utama seluruh rakyat Malaysia (Institut Tadbiran Awam Negara, INTAN 1992).

Polemik isu-isu ini juga menunjukkan tahap pengetahuan dan kefahaman rakyat Malaysia masih lagi rendah dan kurang dihayati, tidak seperti yang berlaku semasa persetujuan berkenaan kontrak sosial dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Awang Sariyan 2008). Kesedaran dan kefahaman yang rendah terhadap unsur-unsur tradisi ini adalah selaras dengan pendapat Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mahukan tahap kefahaman tentang kontrak sosial antara kaum yang telah wujud di negara ini sejak sebelum mencapai kemerdekaan ditingkatkan. Menurut beliau, tindakan tersebut adalah perlu bagi mengelakkan perselisihan antara kaum terutama apabila timbul isu-isu perkauman yang dibesar-besarkan (Utusan Malaysia 2001).

Hal ini selari dengan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen ke-12 di Dewan Rakyat yang menjelaskan bahawa sejarah kemerdekaan dan Perlembagaan Persekutuan perlu difahamkan kepada golongan muda supaya mereka lebih memahami asas pembentukan negara (Berita Harian 2009). Awang Sariyan (2008) juga berpendapat bahawa masih belum ada kajian yang dibuat tentang "Adakah masyarakat kini, khususnya generasi muda memahami isu yang berkaitan dengan kontrak sosial?" atau berkenaan persoalan yang lebih asas lagi iaitu "Fahamkan masyarakat akan kandungan kontrak sosial itu?".

Etnik

Etnik secara asasnya seringkali merujuk kepada ciri-ciri sosiobudaya seseorang itu. Antara ciri konsep etnik ialah budaya, bahasa, agama, negara asal dan lain-lain. Maka, kumpulan etnik ialah kumpulan yang ahlinya memiliki satu set ciri sosiobudaya yang tersendiri manakala konsep etnik pula lebih berkaitan dengan amalan budaya yang hampir seragam yang diamalkan oleh sekelompok manusia. Mereka yang mengamalkan kebudayaan yang hampir seragam antara kelompok manusia itu disatukan oleh pengalaman sejarah, sistem nilai, sikap dan tingkah laku (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohamad Ainuddin Iskandar Lee 2006).

Menurut Schaefer (2002), etnik merujuk kepada perbezaan dari segi budaya seperti bahasa, sikap terhadap perkahwinan dan keibubapaan serta gaya pemakanan. Definisi yang sama juga telah diberikan oleh Ting (1987) iaitu ditafsirkan secara sosial atas dasar ciri-ciri budayanya seperti adat resam, pola keluarga, tingkah laku seks, pakaian, pandangan berkenaan perihal kecantikan, orientasi politik, kegiatan ekonomi dan pola hiburan. Konsep yang digunakan untuk mentakrifkan kaum Melayu di Malaysia ialah konsep etnik iaitu bercirikan budaya, bahasa dan agama (Fazilah Idris 2008). Konsep etnik ini telah diguna pakai di Alam Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat lagi.

Masyarakat majmuk

Masyarakat majmuk adalah berasaskan pandangan Furnivall (1948) dan Smith (1965) yang menggunakan konsep masyarakat majmuk untuk mengenal pasti masyarakat di Asia Tenggara dengan wujudnya satu rangkaian manusia yang terdiri daripada orang Eropah, Cina, India dan pelbagai kumpulan anak tempatan. Masyarakat majmuk tersebut didefinisikan sebagai mereka yang bergaul tetapi tidak bergabung. Setiap kumpulan berpegang dengan agama masing-masing, kebudayaan, bahasa, idea dan cara hidupnya sendiri. Mereka bertemu sebagai individu, tetapi hanya di pasar iaitu semasa membeli dan menjual. Wujud satu masyarakat plural dengan pelbagai bahagian komuniti hidup sebelah menyebelah, tetapi berasingan dalam unit politik yang sama. Dalam bidang ekonomi pula berlaku pembahagian buruh mengikut garisan ras. Teori ini dapat dilihat semasa zaman penjajahan Inggeris melalui dasar pecah dan perintah yang diamalkan di Tanah Melayu. Melalui dasar ini, etnik Melayu, Cina dan India dipisahkan dari segi petempatan, pekerjaan dan pendidikan.

Dalam hal ini, jelas terdapat perbezaan antara masyarakat majmuk yang wujud pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan pada zaman penjajah British. Perbezaan ini sangat penting kerana memberikan kesan yang besar kepada hubungan etnik di Malaysia pada masa kini. Menurut Cheah (2004), kebanyakan

polisi British sebelum ini memberi kesan yang besar terhadap situasi hari ini dan juga kepada struktur masyarakat. Pola masyarakat majmuk pada zaman sebelum kedatangan penjajah British adalah terbentuk melalui proses semula jadi. Para pedagang datang secara sukarela untuk mencari kehidupan dan kekayaan dengan disertai oleh ahli keluarga. Jika mereka mengambil keputusan untuk terus menetap di Alam Melayu, maka keputusan tersebut tentunya merupakan keputusan berasaskan persetujuan sebulat suara bersama ahli keluarga masing-masing. Keputusan hidup yang terhasil daripada persetujuan tanpa paksaan seterusnya menjamin ketenangan fikiran dan perasaan mereka.

Hasilnya, mereka berjaya mewujudkan interaksi yang mesra dengan penduduk tempatan. Terdapat unsur-unsur akomodasi dalam kehidupan masyarakat pluralistik pada zaman tersebut. Mereka secara sukarela sanggup berkahwin dengan penduduk tempatan. Contohnya, masyarakat Cina Baba ialah keturunan Cina yang telah berkahwin dengan masyarakat tempatan. Di samping itu, mereka juga mengamalkan budaya kehidupan seharian orang Melayu. Selain itu, amalan dan adat resam yang dibawa masuk oleh mereka juga diterima pakai oleh penduduk tempatan. Sebagai contoh, adat bersanding, bunga manggar dan bunga telur dalam majlis perkahwinan merupakan asimilasi penduduk tempatan dengan pendatang dari India.

Namun begitu, pola pembentukan masyarakat majmuk selepas kedatangan penjajah British berbeza dengan zaman sebelum kedatangan mereka. Sebagai contoh, penghijrahan masuk orang Cina dan India ke Tanah Melayu digalakkan oleh British untuk memajukan kepentingan ekonomi dan politik mereka. Orang Cina digalakkan membuka lombong-lombong bijih timah dan emas (Leong 2003). Sebagai contoh, akibat daripada dasar campur tangan dan ekonomi kapitalis, penjajah British telah membawa masuk imigran Cina untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah. Menjelang tahun 1931, jumlah imigran Cina telah mencapai angka 663,518 orang di Negeri-negeri Selat, 711,540 orang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu berjumlah 330,857 orang (INTAN 1992).

Penghijrahan imigran India secara beramai-ramai pula berlaku pada tahun 1840 untuk bekerja di ladang tebu dan kopi di Seberang Prai. Inggeris juga membawa masuk imigran India untuk bekerja sebagai kerani, pembantu hospital dan kakitangan kereta api. Pertambahan imigran India semakin meningkat menjelang abad ke-20. Hal ini kerana pada masa tersebut, banyak ladang dan estet getah telah dibuka oleh peladang Eropah. Mereka lebih suka mengambil buruh dari India kerana kos upah yang lebih murah dan wujudnya pentadbiran British di India yang memudahkan lagi proses pengambilan buruh. Peningkatan jumlah imigran India semakin pesat dan sehingga tahun 1931, terdapat seramai 132,277 orang India di Negeri-negeri Selat, 379,996 orang di Negeri-negeri Melayu

Bersekutu dan di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pula seramai 110,951 orang (INTAN 1992).

Situasi ini menyebabkan wujudnya jurang pemisah yang luas dalam interaksi dan pengaruh budaya antara masyarakat Cina dan masyarakat Melayu. Perkara ini disebabkan oleh kawasan petempatan yang berasingan yakni orang Cina tertumpu di kawasan bandar terutama sekali di kawasan perlombongan seperti Kuala Lumpur dengan bilangan orang Cina meliputi 79% daripada jumlah penduduk iaitu seramai 43,786 pada tahun 1891. Polisi pentadbiran Inggeris juga secara sengaja memisahkan petempatan antara kaum ini melalui dasar pecah dan perintah. Di samping itu, kawasan petempatan orang Cina merupakan kawasan yang berdikari sendiri yakni penduduknya tidak perlu berinteraksi dengan orang luar untuk kelangsungan hidup mereka sepanjang hayat (Hashim Musa 2005).

Kontrak sosial

Kontrak sosial merupakan unsur penting dalam sejarah pembentukan bangsa dan negara ini. Sebelum kedatangan penjajah Inggeris, Tanah Melayu diidentifikasi dengan penduduk asalnya yang teras iaitu bangsa Melayu. Apabila penjajah membawa orang Cina dan India secara beramai-ramai untuk menjadi tenaga kerja bagi manipulasi ekonomi penjajah sendiri, maka situasi demografi negara ini berubah secara langsung. Atas desakan penjajah Inggeris, orang Melayu perlu menerima syarat bahawa kemerdekaan akan diberikan hanya jika kaum-kaum yang asalnya pendatang itu diterima sebagai warganegara. Sebagai imbalan kepada pemberian taraf kewarganegaraan itu, maka para pemimpin kaum-kaum lain tersebut bersetuju untuk menerima peruntukan yang berkaitan dengan kepentingan orang Melayu. Perkara yang menjadi asas persetujuan tersebut adalah kedudukan Raja-raja Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta hak istimewa orang Melayu. Kompromi tersebutlah yang dinamai kontrak sosial dalam konteks pembentukan negara ini sesudah lepas daripada belunggu penjajahan (Awang Sariyan 2008).

Hal ini menunjukkan bahawa semasa merangka perlembagaan, orang Melayu dan bukan Melayu telah bersetuju atas beberapa perkara iaitu orang bukan Melayu diberikan hak kewarganegaraan yang longgar berasaskan prinsip *jus soli* manakala diperuntukkan untuk orang Melayu pula dalam perlembagaan berkenaan agama Islam sebagai agama persekutuan, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan istimewa orang Melayu serta kedudukan Raja-raja Melayu atau apa yang dipanggil sebagai unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan.

Unsur tradisi

Perkataan tradisi mempunyai pelbagai makna, namun secara amnya, tradisi bermakna pemindahan dan kesinambungannya daripada generasi kepada generasi yang lain. Hal ini menggambarkan bahawa tradisi mencerminkan sejarah, budaya dan fahaman suatu bangsa dan masyarakat tersebut (Abdul Aziz Bari 2002). Dalam konteks politik dan perlembagaan, yang dimaksudkan dengan sistem tradisi merujuk kepada sistem yang wujud sebelum kedatangan zaman moden iaitu sebuah sistem yang kesahannya bergantung pada agama dan nilai-nilai asal lainnya.

Dari satu sudut, institusi tradisi seakan-akan mempunyai kekuatan sendiri iaitu sesuatu yang kelihatannya berakar di luar sistem dan kerangka perlembagaan. Hal ini kerana soal-soal sejarah, identiti dan kesinambungan yang boleh dikatakan berfungsi sebagai roh dan semangat sesuatu masyarakat itu tidak termasuk dalam hal-hal yang menjadi tumpuan demokrasi. Unsur-unsur tradisi amat penting dibicarakan kerana ia menjadi faktor utama untuk mewujudkan identiti Malaysia dan memupuk persefahaman ke arah perpaduan. Ia juga adalah satu kontrak sosial yang telah disepakati semasa menggubal perlembagaan. Menurut Tun Salleh Abas, unsur-unsur tradisi ini meliputi kesultanan atau pemerintahan beraja, agama Islam, bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu (Mohd Salleh Abas 1984).

Unsur-unsur tradisi ini perlu kerana ia telah wujud ratusan tahun sebelum perlembagaan diwujudkan pada tahun 1957. Ia berperanan menstabilkan sistem politik negara dan laporan yang dibuat oleh Suruhanjaya Reid menekankan betapa pentingnya perlembagaan mengambil kira faktor-faktor sejarah, tradisi, ekonomi dan sosial yang wujud sebelum tahun 1957 (Mohd Salleh Abas 1984). Hal ini menunjukkan betapa pentingnya unsur-unsur tradisi sehingga dilindungi di bawah Akta Hasutan dan dianggap sebagai isu-isu sensitif yang dilarang daripada dijadikan isu perbincangan awam. Bagi rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu, unsur-unsur ini penting kerana perkara ini menjadi identiti negara dan kestabilan negara banyak bergantung kepada identiti ini.

Unsur-unsur tradisi juga merupakan satu pra-syarat dan permuafakatan yang diterima oleh orang Melayu dan bukan Melayu. Hal ini bermakna hak istimewa orang Melayu, Islam menjadi agama persekutuan dan bahasa Melayu diterima sebagai bahasa kebangsaan sebagai pra-syarat penerimaan hak kewarganegaraan oleh etnik bukan Melayu dikekalkan dan diperkukuhkan. Pra-syarat ini menunjukkan bahawa pemimpin terdahulu telah menerima satu formula bagi menyelesaikan masalah yang wujud tanpa melibatkan konflik antara etnik di Tanah Melayu pada ketika itu.

Peruntukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan

Daripada kajian yang lepas, tiada penemuan baru dalam ulasan tentang peruntukan Islam menurut Perlembagaan Persekutuan. Hal yang berbeza hanyalah bentuk pendekatan dan pandangan terkini. Hal ini kerana peruntukan undang-undang masih berlegar dalam skop yang sama iaitu Perkara 3 (1), Perkara 8, Perkara 11, Perkara 12 (4), Perkara 121 (1A) dan Perkara 160 (2). Kes-kes yang menjadi rujukan utama juga seperti kes *Che Omar bin Che Soh v. Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 55, *Teoh Eng Huat v. Kadhi of Pasir Mas and Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* [1990] 2 MLJ 306, *Minister of Home Affairs v. Jamaluddin bin Othman* [1989] 1 MLJ 418, *Hjh. Halimatus Saadiah v. Public Service Commission* [1992] 1 MLJ 513, *Meor Atiqurrahman bin Ishak v. Fatimah bte Shihi* [2000] 5 MLJ 375, *Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* [2004] 2 MLJ 119 dan lain-lain. Justeru, bagi makalah ini, peruntukan Islam dalam perlembagaan itu dilihat dalam Perkara 3, Perkara 8, Perkara 11, Perkara 12, Perkara 121, Perkara 150 dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal agama Islam.

Islam dalam perlembagaan adalah satu isu yang penting kerana isu ini berkait rapat dengan kepercayaan dan pegangan majoriti penduduk Malaysia. Isu ini juga merupakan isu yang sensitif kerana orang Melayu merasakan bahawa agama tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seharian mereka. Walaupun soal kepercayaan dan keimanan adalah urusan seseorang, namun dalam konteks Malaysia, perkara ini boleh memberi kesan kepada ketenteraman awam khususnya yang melibatkan ketegangan antara kaum seperti dalam kes Natrah pada tahun 1950 dan Nur Aisyah pada tahun 1998. Perkara ini diakui oleh Syed Muhammad Naqib al-Attas (1972) yang mengatakan Islam mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Keadaan ini menjelaskan tentang sebab Islam tidak termasuk dalam rangka perjanjian antara Raja-Raja Melayu dengan pihak British yang bermula dengan Perjanjian Pangkor 1874 yang memberi kuasa kepada British dalam sistem pemerintahan di Tanah Melayu ketika itu. Namun begitu, memang inilah tujuan British untuk mengecilkan peranan Islam dalam sistem pentadbiran negara yang menyebabkan kedudukan Islam itu dalam bidang tertentu sahaja iaitu tidak bersifat menyeluruh. Dalam hal ini, menurut Ahmad Ibrahim (1997), perkataan agama Islam telah diberi tafsiran yang sempit dan agama itu dianggap sama seperti dalam agama Kristian.

Definisi tentang Islam dalam perlembagaan boleh dirujuk dari dua sudut iaitu menurut tafsiran pihak mahkamah dan pandangan sarjana. Pertama, definisi yang diberikan oleh pihak mahkamah dalam kes *Che Omar bin Che Soh v. Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 55 seperti yang diputuskan oleh Ketua Hakim Negara iaitu Islam dalam perlembagaan hanya terbatas kepada soal-soal upacara dan

seumpamanya. Sebelum dari kes ini, dalam kes *Wong Ah Fook v. State of Johore [1937] MLJ 128* telah memberi tafsiran kepada Perkara 57 Perlembagaan Johor iaitu Islam adalah agama rasmi negeri Johor. Namun begitu, mahkamah telah menolak dakwaan pihak pembela yang mendakwa negeri Johor adalah diperintah menurut undang-undang Islam (Abdul Monir Yaacob 1996).

Dalam kes *Meor Atiqurahman bin Ishak v. Fatimah bte Shihi [2000] 5 MLJ 375* pula, Hakim Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa kedudukan Islam adalah tinggi dan mengatasi agama-agama lain. Akan tetapi, keputusan ini ditolak oleh Hakim Mahkamah Rayuan yang tidak bersetuju tentang apa yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Namun begitu, Hakim Mahkamah Rayuan tidak menyentuh tentang kedudukan Islam dan perkara ini boleh diujahkan bahawa ketinggian kedudukan Islam yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi itu masih kekal (Abdul Aziz Bari 2005). Dalam hal ini, mahkamah sebenarnya tidak memberi definisi Islam seperti yang termaktub dalam perlembagaan, sebaliknya mahkamah hanya memutuskan bahawa Islam yang dimaksudkan oleh perlembagaan ialah Islam sebagai upacara dan bukannya sebagai sistem hidup yang lengkap.

Kedua, pandangan yang diberikan oleh sarjana seperti Sheridan dan Groves (1979) yang mengatakan bahawa peruntukan berkenaan Islam adalah bertujuan untuk memberikan negara ini sifat dan ciri Muslim yang umumnya bersifat luaran dan untuk upacara rasmi negara. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Mohamed Suffian Hashim (1987) yang menjelaskan maksud peruntukan tersebut ialah semata-mata untuk upacara seperti membolehkan doa dibaca di upacara rasmi iaitu semasa pertabalan Yang di-Pertuan Agong, Hari Kemerdekaan dan lain-lain.

Namun demikian, terdapat juga definisi berbeza yang cuba diberikan tentang kedudukan Islam. Tafsiran yang diberikan oleh Hashim Yeop A. Sani (tt) menjelaskan bahawa Perkara 3 itu sangat jelas dan tidak boleh diputarbelitkan lagi bahawa agama negara ialah Islam. Maka, mana-mana tafsiran yang mewujudkan satu percanggahan antara dokumen ciptaan manusia (perlembagaan) dengan perintah Allah (al-Quran dan as-Sunnah), maka tafsiran itu tidak boleh dipakai. Tafsiran ini disokong oleh Ahmad Ibrahim (1996) yang mengatakan bahawa keputusan Mahkamah Agong berkenaan Islam dalam Perkara 3 (kes *Che Omar Bin Che Soh v. Public Prosecutor*) adalah sama seperti yang dimaksudkan oleh pihak yang merangka perlembagaan dan ia adalah akibat pemerintahan langsung oleh British dan wujudnya institusi sekular.

Peruntukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan termaktub dalam tujuh perkara berikut: Pertama, peruntukan di bawah Perkara 3 ini menjelaskan bahawa Islam adalah agama persekutuan dan pada masa yang sama juga memberikan hak

kepada orang bukan Islam untuk mengamalkan agama mereka dengan aman dan damai di Malaysia. Selain itu, Perkara 3 juga menjelaskan kedudukan Raja-Raja sebagai ketua agama di negeri-negeri melainkan negeri yang tidak mempunyai raja. Manakala bagi sesuatu perkara yang meliputi seluruh persekutuan yang berkaitan dengan Islam, maka Yang di Pertuan Agong akan mewakili Raja-Raja setelah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja. Di samping kedudukan Raja-Raja, Perkara 3 juga menyentuh tentang Yang di Pertuan Agong adalah ketua agama Islam bagi negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Seterusnya, Perkara 3 menyatakan bahawa bagi Wilayah Persekutuan, Parlimen boleh membuat undang-undang berkenaan hal ehwal Islam dan menubuhkan Majlis bagi menasihati Yang di Pertuan Agong berkenaan hal ehwal agama Islam. Selaras dengan Perkara 3 ini, semua negeri dalam persekutuan kecuali Sarawak juga telah menjadikan Islam sebagai agama negeri.

Kedua, peruntukan di bawah Perkara 8 pula menjelaskan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Namun begitu, terdapat pengecualian seperti dibenarkan dengan nyata dalam perlembagaan iaitu tiada perbezaan boleh dibuat berdasarkan agama, kaum, keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau pelantikan bagi sesuatu jawatan di bawah pihak berkuasa awam. Pengecualian ini jelas dalam pelantikan yang berkenaan dengan sesuatu agama itu sendiri.

Ketiga, peruntukan Perkara 11 menjelaskan bahawa setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agama masing-masing, tiada sesiapa pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai jika diperuntukkan bagi maksud yang lain dari agamanya sendiri, setiap kumpulan berhak menguruskan hal ehwal agamanya sendiri termasuklah menubuh, menyelenggara atau memiliki harta atau institusi dan undang-undang negeri dan undang-undang wilayah persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa kepercayaan agama dalam kalangan orang Islam.

Keempat, peruntukan Perkara 12 menjelaskan bahawa setiap kumpulan agama berhak menubuh dan menyelenggara yayasan untuk pelajaran kanak-kanak mengenai agama masing-masing, undang-undang persekutuan dan undang-undang negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas bagi menubuh dan menyelenggara yayasan Islam atau bagi mengajar tentang agama Islam kepada orang Islam, tiada sesiapa dipaksa mengambil bahagian dalam upacara agama selain agamanya dan agama bagi seseorang yang berumur kurang dari 18 tahun ditentukan oleh ibu bapa atau penjaganya.

Kelima, peruntukan Islam disentuh dalam Perkara 121 (1A). Melalui peruntukan ini menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil tidak boleh mempunyai bidang

kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Hal ini kerana sebelum pindaan itu dibuat terdapat beberapa kes (seperti wakaf, penjagaan anak, mungkir janji untuk berkahwin dan lain-lain) yang Mahkamah Sivil telah membuat keputusan berkenaan perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan adakalanya telah mengubah keputusan yang dibuat di Mahkamah Syariah.

Keenam, peruntukan di bawah Perkara 150 (6A), jelas memelihara hal ehwal Islam walaupun dalam keadaan darurat yang memberi kuasa kepada pihak eksekutif untuk membuat undang-undang yang pada keadaan biasa, undang-undang hanya boleh digubal di Parlimen dan kerajaan pusat boleh mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun kuasa darurat yang sangat luas tetapi tidak termasuk perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Keadaan ini menunjukkan hal yang berkaitan dengan agama Islam diberi status yang tinggi dalam perlembagaan.

Ketujuh, peranan Yang di-Pertuan Agong juga boleh dimasukkan dalam ruang lingkup Islam dalam perlembagaan. Walaupun perlembagaan tidak menetapkan baginda sebagai ketua agama bagi seluruh persekutuan, perlembagaan menetapkan tanggungjawab ke atas baginda supaya menjaga Islam. Perkara ini dinyatakan dalam sumpah jawatan berkenaan yakni Yang di-Pertuan Agong diberi tanggungjawab oleh perlembagaan untuk memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri. Walaupun baginda tidak diletakkan sebagai ketua agama bagi seluruh persekutuan, baginda mempunyai tanggungjawab untuk melindungi dan memastikan agar kedudukan Islam tidak tercemar. Tanggungjawab ini relevan memandangkan kerajaan persekutuan tidak semestinya diketuai oleh seorang Melayu dan Islam, seperti yang terdapat dalam perlembagaan negeri-negeri Melayu. Baginda juga adalah ketua agama Islam bagi negeri yang tidak beraja iaitu Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (Abdul Aziz Bari 2005). Keadaan ini berlaku kerana Gabenor mungkin terdiri dari orang bukan Islam.

Peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan

Menurut Milne dan Mauzy (1992), kedudukan istimewa orang Melayu terangkum dalam empat perkara iaitu tanah rizab Melayu, kuota untuk lesen dalam perniagaan, perkhidmatan awam, biasiswa dan geran pendidikan. Menurut Shad Salem Faruqi (2003), kedudukan istimewa orang Melayu ini meliputi Perkara 153, Perkara 80 dan 90, Perkara 8(5), persempadanan kawasan pilihanraya dalam Jadual Ketigabelas yang memberi kelebihan politik kepada pengundi Melayu luar bandar dan peruntukan di bawah perlembagaan setiap negeri kecuali Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Melaka yang memperuntukkan

bahawa Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri mestilah orang Melayu. Oleh itu, dalam makalah ini, peruntukan istimewa orang Melayu hanya membincangkan mengenai Perkara 153, Perkara 89 dan 90, Perkara 8(5)(f) dan Jadual Ketigabelas mengenai persempadanan kawasan pilihanraya.

Takrif Melayu itu sangat luas dan jika diambil dalam pengertian sejarah dan sosio-budaya, Melayu itu meliputi mereka yang mendiami kepulauan Melayu. Walaupun terdapat pelbagai suku bangsa, bahasa dan loghat, namun ahli-ahli bahasa dan budaya menganggap mereka sebagai satu kumpulan yang sama iaitu keturunan Melayu (Syed Husin Ali 2008). Jika merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, orang Melayu ditakrifkan dalam Perkara 160(2) sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap dalam Bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada hari Merdeka itu ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura atau ia adalah keturunan seseorang yang tersebut. Di samping Perkara 160(2), Melayu itu turut ditakrifkan di bawah Perkara 89(6) yang menjelaskan Melayu itu termasuklah seseorang yang disifatkan sebagai seorang Melayu bagi maksud merizabkan tanah di bawah undang-undang bagi negeri di mana ia bermastautin. Hal ini menjelaskan bahawa takrif Melayu itu boleh dibahagikan kepada dua iaitu berdasarkan sosio-budaya dan takrifan Perlembagaan Persekutuan.

Terdapat beberapa perkara yang boleh dibincangkan dalam peruntukan di atas. Pertama, untuk menjadi seorang Melayu bagi maksud perlembagaan tidaklah semestinya seseorang itu berketurunan Melayu. Seorang India boleh dianggap sebagai Melayu sekiranya ia menganut agama Islam, menjadi kelazimannya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu. Sebaliknya, walaupun dia seorang Melayu jati dari keturunan Melayu sekalipun, bagi maksud perlembagaan ia bukan Melayu jika bukan beragama Islam (Mohamed Suffian Hashim 1987). Kedua, untuk menjadi seorang Melayu bagi maksud perlembagaan, seseorang mestilah mempunyai sedikit sebanyak perhubungan dengan Persekutuan Tanah Melayu atau Singapura. Oleh itu, seorang Indonesia yang menganut Islam, kebiasaannya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu, bukanlah seorang Melayu bagi maksud perlembagaan jika dia dilahirkan sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau dia keturunan seseorang yang tersebut.

Peruntukan orang Melayu pula termaktub dalam lima perkara berikut. Pertama, Perkara 153 ini menjelaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Yang di Pertuan Agong untuk menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan juga melindungi hak kaum lain. Yang di Pertuan Agong atas nasihat kerajaan boleh memberi peruntukan kepada orang Melayu beberapa bahagian yang difikirkan patut dalam perkara-perkara suatu kadar dalam perkhidmatan awam, permit dan

lesen perniagaan dan biasiswa dan kemudahan dalam pendidikan. Kedua, berkenaan Perkara 89, ia menyentuh tentang tanah rizab Melayu. Ketiga, Perkara 90 pula menyentuh mengenai pengecualian undang-undang yang ada berkenaan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka dan undang-undang berkenaan tanah pegangan orang Melayu di Terengganu.

Keempat, Perkara 8 (5)(f) pula menjelaskan bahawa kemasukan untuk perkhidmatan Rejimen Askar Melayu di Raja hanya diperuntukkan kepada orang Melayu sahaja. Namun demikian, kemasukan ke rejimen tentera yang lain adalah terbuka kepada semua etnik di Malaysia dan tiada sekatan dikenakan. Kelima, Jadual Ketigabelas yang menjelaskan bahawa jumlah pengundi bagi tiap-tiap kawasan pilihanraya hendaklah sama. Akan tetapi, perlembagaan juga menetapkan bahawa kawasan luar bandar hanya separuh dari jumlah pengundi bagi sesebuah kawasan pilihanraya di bandar diperlukan.

Dalam membincangkan berkenaan istilah hak atau kedudukan istimewa orang Melayu, maka penggunaan istilah kedudukan istimewa orang Melayu itu adalah lebih tepat berbanding hak kerana istilah kedudukan istimewa orang Melayu itu yang digunakan dalam Perlembagaan Persekutuan. Kedudukan istimewa itu pula lebih menggambarkan keistimewaan orang Melayu dalam perlembagaan dalam beberapa perkara seperti pendidikan, ekonomi, perjawatan kerajaan dan sebagainya dan pada masa yang sama hak orang bukan Melayu dipelihara dan dijaga.

Objektif Kajian

1. Untuk mengenal pasti implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan daripada persepsi pelajar dalam konteks hubungan etnik.
2. Untuk mengenal pasti implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan daripada persepsi pelajar berdasarkan faktor demografi.
3. Untuk mengenal pasti punca wujudnya konflik yang melibatkan peruntukan Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kajian Lepas

Kajian berkenaan Perlembagaan Persekutuan boleh dibahagikan kepada dua. Kajian pertama mengikut pendekatan sejarah atau politik seperti yang dibuat oleh Ratnam (1969), Means (1991), Karl von Vorys (1975) dan Heng (1988). Ratnam (1969) dan Karl von Vorys (1975) dalam kajian mereka telah menilai

pembangunan dan perkembangan politik Melayu sementara Heng (1988) pula mengesan perkembangan kesedaran politik dalam kalangan etnik Cina. Kajian Means (1991) pula menjurus kepada beberapa aspek penting dalam perlembagaan berdasarkan Laporan Suruhanjaya Reid, memorandum dari organisasi dan individu serta laporan akhbar. Kajian kedua pula mengikut pendekatan perundangan seperti Hickling (1960), Mohamed Suffian Hashim (1987), Sheridan dan Groves (1979), Mohamed Suffian Hashim, Lee dan Trindade (1983) dan Abdul Aziz Bari (2005). Namun begitu, perbincangan dari perspektif hubungan etnik masih lagi berkurangan dan lebih tertumpu pada permasalahan pemerintahan negara.

Kajian tentang kedudukan istimewa orang Melayu telah disentuh oleh beberapa pengkaji dalam kajian masing-masing. Antaranya kajian Ratnam berkisar tentang penerimaan orang Melayu dan bukan Melayu terhadap kedudukan istimewa orang Melayu. Beliau berpandangan, orang Melayu bersetuju akan perkara ini dalam meningkatkan taraf hidup mereka berbanding etnik lain. Pandangan orang bukan Melayu pula terbahagi kepada dua pihak yakni pihak pertama yang bersikap sederhana iaitu bersedia menerima pendapat bahawa orang Melayu wajar diberi keistimewaan sehingga terdapat tempoh mereka boleh bersaing tanpa sebarang bantuan dan yang kedua pula adalah mereka yang cenderung untuk menolak seluruh gagasan keistimewaan kerana bertentangan dengan dasar-dasar demokrasi (Ratnam 1969).

Mohamed Suffian Hashim (1987) menganggap bahawa Perkara 153 bukanlah bertujuan hendak menahan kemajuan orang bukan Melayu, tetapi ia dibuat demikian dengan tujuan bagi menjamin kemajuan kaum bumiputera dan mereka tidak boleh dipersalahkan kerana masih kurang maju dalam bidang pelajaran, sosial dan ekonomi. Para pemimpin kaum bukan bumiputera telah bersetuju dengan peruntukan ini sebagai membalas pemberian syarat-syarat kewarganegaraan yang longgar dan syarat yang demikian membolehkan mereka menjadi warganegara dengan satu coretan pena sahaja. Perbincangan beliau menjurus kepada perbincangan tentang sebab perkara ini diterima dalam perlembagaan.

Hashim Yeop A. Sani (1973) bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Suruhanjaya Reid mengenai kedudukan istimewa orang Melayu iaitu ia adalah penerusan perjanjian-perjanjian awal yang telah dibuat antara negeri-negeri Melayu dengan penjajah Inggeris. Mohd Salleh Abas (1985) menjelaskan kedudukan istimewa orang Melayu termasuklah penjawatan dalam perkhidmatan awam, pemberian biasiswa dan bantuan atau lain-lain kemudahan pelajaran dan permit serta lesen yang diperlukan untuk perniagaan dan perdagangan. Selain itu, turut termasuk dalam perihal kedudukan istimewa ini ialah Perkara 89 dan 90 berhubung tanah rizab Melayu dan kemasukan perkhidmatan oleh orang Melayu

ke dalam Rejimen Askar Melayu di-Raja oleh Perkara 8(5). Menurut beliau lagi, kedudukan istimewa ini tidak mutlak, tetapi diseimbangkan dengan kepentingan sah lain-lain kaum.

Perkara ini juga telah disentuh oleh Milne dan Mauzy (1992) yang menjelaskan bahawa ia adalah satu tawar menawar antara orang Melayu dan bukan Melayu dan tempoh pelaksanaan kedudukan istimewa orang Melayu ini. Situasi ini menggambarkan bahawa suatu keadilan jangka pendek yang samar-samar antara tuntutan pelbagai kaum itu sebenarnya telah tercapai. Pandangan Milne dan Mauzy ini menunjukkan bahawa Perkara 153 ini disepakati semasa menggubal perlembagaan dan sukar ditentukan penerimaannya oleh orang bukan Melayu dalam jangka panjang. Namun demikian, pandangan Milne dan Mauzy yang mengatakan bahawa ia adalah satu tawar menawar antara Melayu dan bukan Melayu disangkal oleh Ramlah Adam.

Menurut Ramlah Adam (2004), orang Melayu sebenarnya tidak mendapat apa-apa ganti rugi daripada tolak ansur tersebut. Kedudukan istimewa orang Melayu bukanlah suatu peruntukan baharu dalam pentadbiran British. Peruntukan ini telah wujud dalam Perjanjian Persekutuan 1948 di bawah tanggungan Pesuruhjaya Tinggi. Dalam Bahagian III, Kuasa Memerintah Persekutuan, Fasal 19(c) adalah menjadi tugas Pesuruhjaya Tinggi British untuk menjaga segala keselamatan keadaan orang Melayu yang khas. Suruhanjaya Reid hanya meneruskan kelangsungan perkara tersebut untuk 15 tahun selepas merdeka.

Harding (1996) yang menyentuh berkenaan Perkara 153 iaitu kedudukan istimewa orang Melayu menjelaskan bahawa perkara ini adalah sesuatu yang agak berlainan dalam sesebuah perlembagaan. Perlembagaan Persekutuan tidak melindungi hak minoriti tetapi hak majoriti. Walaupun demikian, persoalan ini boleh berjalan dalam rangka perlembagaan Malaysia dan konsep diskriminasi boleh disesuaikan dengan konsep kesamarataan yang merupakan konsep asas dalam undang-undang perlembagaan.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2001) turut membincangkan aspek ini dengan mengatakan bahawa hak istimewa ini adalah sesuatu yang adil kepada orang Melayu kerana empat sebab iaitu memberi peranan watak dan keperibadian, menubuhkan tamadun antarabangsa, mempertahankan tanah air ini dari ancaman luar dan penjajah serta bersikap berlapang dada dan muhibah. Bagi Fernando (2002), peruntukan kedudukan istimewa orang Melayu menimbulkan masalah dalam perbincangan Jawatankuasa Kerja Parti Perikatan. Hal ini kerana Parti Perikatan diminta agar kedudukan istimewa ini dikaji semula selepas 15 tahun, tetapi pemimpin UMNO tidak bersetuju kerana akan dipertikaikan oleh orang Melayu.

Kajian yang dibuat oleh Rosfazila Abd Rahman dan Ayu Nor Azilah Mohamad (2007) pula menunjukkan tahap pengetahuan orang Melayu terhadap hak istimewa mereka dalam perlembagaan adalah baik (97%), dan tahap pemahaman mereka terhadap hak istimewa masih rendah (62.5%). Walaupun kajian ini dibuat secara kuantitatif, namun tidak menyeluruh sifatnya kerana bilangan responden yang sedikit dan terdiri daripada orang Melayu sahaja. Kajian ini juga cuba untuk membuat pembaharuan dalam kajian-kajian berkenaan perlembagaan apabila menggunakan soal selidik dan merupakan satu permulaan yang baik.

Dalam buku Modul Hubungan Etnik (2007) yang dijadikan teks wajib bagi pelajar IPTA turut menjelaskan berkenaan peruntukan agama Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu. Kaedah yang sama juga dibuat oleh Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006) turut menyentuh berkenaan peruntukan agama Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu. Perbincangan tentang kedudukan istimewa orang Melayu pula adalah dengan melihat rasional orang Melayu mendapat kedudukan istimewa kerana hal ini adalah satu persetujuan antara orang Melayu dan bukan Melayu dengan orang bukan Melayu mendapat kewarganegaraan secara *jus soli* dan orang Melayu mendapat kedudukan istimewa, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Islam sebagai agama persekutuan serta berdasarkan statistik, orang Melayu ternyata masih jauh ketinggalan dalam perkhidmatan awam, ekonomi dan pendidikan. Buku ini menyimpulkan bahawa menghormati hak dan kepentingan setiap golongan etnik di Malaysia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sangat perlu dihayati bersama agar dapat menghindarkan sebarang konflik yang wujud.

Berdasarkan kajian lepas, masih terdapat ruang yang belum dikaji iaitu berkaitan persepsi masyarakat khususnya generasi muda terhadap peruntukan orang Melayu dan Islam yang sering menjadi polemik dan isu dalam masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk dari perspektif hubungan etnik. Hal ini kerana kajian sebelum ini berbentuk kualitatif dengan merujuk kepada dokumen sedia ada.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif berkenaan persepsi dalam kalangan pelajar di IPTA. Menurut Wiersma (1995), kaedah ini merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian sesuatu program. Bentuk deskriptif juga digunakan sejajar dengan keperluan kajian iaitu untuk melihat sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting 1990). Maka, satu set soal selidik disediakan bagi tujuan tersebut yang dibina sendiri oleh pengkaji untuk mencapai

objektif kajian. Menurut Tuckman (1999), soal selidik merupakan cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden.

Populasi kajian ini ialah semua pelajar tahun tiga di empat IPTA yang terpilih iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kekangan kewangan dan masa menghalang penyelidik melakukan kajian di seluruh IPTA. Pemilihan pelajar UM, UKM dan UPM disebabkan oleh faktor pendedahan mereka kepada kepelbagaian etnik kerana ketiga-tiga IPTA tersebut terletak di Lembah Kelang dan Lembah Kelang juga merupakan satu kawasan yang menggambarkan nisbah kependudukan Malaysia serta bilangan pelajar yang terdiri daripada pelbagai etnik. Walaupun USM tidak terletak di Lembah Kelang, namun USM juga mempunyai ciri-ciri yang sama seperti UM, UKM dan UPM kerana keempat-empat universiti tersebut adalah universiti yang terawal ditubuhkan dan tergolong dalam Universiti Penyelidikan. Perkara ini memberi impak kepada pemantapan persatuan-persatuan pelajar berbanding universiti baru dan sentiasa menjadi pilihan utama pelajar dalam kemasukan ke IPTA. Keadaan ini sangat signifikan dan realistik kepada persepsi pelajar dalam sesuatu isu khususnya yang melibatkan isu-isu hubungan etnik.

Pemilihan pelajar tahun tiga pula kerana mereka telah lama terdedah dengan kehidupan kampus, terlibat dengan aktiviti persatuan pelajar dan universiti dan telah bergaul antara pelbagai etnik sama ada di dewan kuliah, kantin mahupun kolej kediaman. Justifikasi ini memberi kesan kepada kajian kerana mereka lebih matang dan rasional dari segi pemikiran dan persepsi. Disebabkan isu-isu berkaitan dengan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan lebih berfokus kepada orang Melayu, Cina dan India serta di Semenanjung Malaysia, maka responden dalam kajian ini juga hanya melibatkan mahasiswa Melayu, Cina dan India di semenanjung Malaysia sahaja.

Pemilihan sampel pula dibuat melalui kaedah pensampelan berkelompok. Pensampelan berkelompok boleh digunakan dengan menentukan bilangan kelompok seperti mengikut negeri, daerah atau mukim. Pemilihan melalui kaedah ini sesuai jika populasi besar dan bertaburan di merata tempat. Ia juga dapat menjimatkan masa serta mengurangkan pelbagai masalah kerana pengkaji mengelompokkan sampel dalam satu kelompok sebelum pemilihan secara rawak dilakukan. Maka, untuk menentukan bilangan responden, Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan.

Jadual 3. Bilangan pelajar tahun tiga di empat IPTA Sesi 2009/2010

IPTA	Bilangan Pelajar Tahun Tiga
UM	2595
USM	3157
UKM	4814
UPM	3894
Jumlah	14460

Sumber: IPTA berkenaan

Berdasarkan populasi pelajar empat IPTA seperti dinyatakan dalam Jadual 3, saiz sampel bagi kajian ini ialah 800. Menurut Sidek Mohd Noah (2002), semakin besar saiz sampel semakin kecil ralat pensampelan. Bagi memastikan setiap kaum diwakili, maka pensampelan rawak strata digunakan dengan nisbah mengikut etnik Melayu, Cina dan India iaitu 60:30:10 dan seramai 800 pelajar akan dijadikan responden dalam kajian ini berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah satu set soal selidik. Menurut Oppenheim (2004) dan Tuckman (1999) bahawa soal selidik dan temu bual merupakan dua bentuk instrumen yang berkesan bagi memperoleh maklumat daripada responden selain membuat pemerhatian. Semua soalan berbentuk positif dan responden dikehendaki menyatakan persepsi mereka mengikut skala *Likert*. Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden, bahagian B pula berkenaan Persepsi terhadap peruntukan agama Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan serta bahagian C tentang Cadangan Modul Pengukuhan Hubungan Etnik di Malaysia.

Dalam kajian ini, kesahan soal selidik ditentukan oleh pakar. Seramai empat orang pakar yang terdiri daripada dua orang pakar dalam bidang perlembagaan, masing-masing seorang pakar dalam hubungan etnik dan pembinaan soal selidik telah melakukan semakan terhadap kajian ini. Kebolehpercayaan merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalam instrumen yang mengukur sesuatu konsep. Ujian yang popular dan sering digunakan dalam mengukur ketekalan dalam sesuatu konsep ialah Alpha Cronbach. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah antara 0.0 hingga 1.0. Menurut Mohd Majid (1990), nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60 sering digunapakai sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60 sebagai nilai kebolehpercayaan bagi setiap bahagian soal selidik yang diuji. Seterusnya, penyelidik telah menjalankan kajian rintis untuk menentukan nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik yang telah disediakan.

Tinjauan rintis dibuat bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dan kelebihan yang terdapat dalam soal selidik yang disediakan. Oleh itu, sebelum soal selidik diedarkan, 50 orang pelajar telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini terlebih dahulu. Hasil yang diperoleh menunjukkan 50 orang mahasiswa tersebut tidak mempunyai masalah untuk memahami soalan tanpa perlu bertanyakan kehendak soalan tersebut. Seterusnya, dengan menggunakan program SPSS, penyelidik telah mengira nilai kebolehpercayaan dan nilai Alpha Cronbach. Didapati nilai Alpha Cronbach yang diperolehi bagi kesemua item soalan adalah melebihi 0.6. Oleh itu, soal selidik yang dibina untuk menjalankan kajian ini adalah sesuai untuk digunakan.

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 16 melalui min, sisihan piawai, *Chi square* dan *cross-tabulation*. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, purata skor atau min, statistik jadual silang (*cross-tabulation*) dan *correlation coefficient* digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menganalisis implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan dari persepsi pelajar.

Analisis Data dan Perbincangan Kajian

Latar belakang responden

Responden kajian terdiri dari pelajar tahun tiga di empat buah IPTA iaitu UM, USM, UKM dan UPM. Seramai 800 pelajar telah menjawab soal selidik. Latar belakang responden ditanya dalam Bahagian A soal selidik. Perbincangan latar belakang responden ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu profil, latar belakang akademik dan tempat tinggal responden. Jadual 4 memaparkan maklumat mengenai responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada seramai 800 orang responden, seramai 552 orang (69%) adalah pelajar perempuan, manakala pelajar lelaki seramai 248 orang (31%). Sebilangan besar responden iaitu seramai 484 orang (60.5%) adalah dari etnik Melayu, diikuti oleh seramai 242 orang (30.3%) berbangsa Cina, manakala responden dari bangsa India adalah seramai 74 orang (9.3%). Elemen ini adalah seperti yang telah ditetapkan dalam nisbah penentuan responden mengikut etnik iaitu Melayu 60%, Cina 30% dan India 10% bagi menggambarkan statistik penduduk Malaysia. Komposisi responden yang diperolehi ini juga menunjukkan bahawa sebilangan besar responden beragama Islam iaitu seramai 485 orang (60.6%), diikuti dengan responden beragama Buddha seramai 187 orang (23.4%). Selain itu, terdapat seramai 68 orang (8.5%) responden menganuti agama Hindu, 52 orang (6.5%) beragama Kristian dan tiada agama seramai 8 orang (1%).

Jadual 4. Profil responden

<i>n</i> = 800	Bilangan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	248	31.0
Perempuan	552	69.0
Bangsa		
Melayu	484	60.5
Cina	242	30.3
India	74	9.3
Agama		
Islam	485	60.6
Buddha	187	23.4
Hindu	68	8.5
Kristian	52	6.5
Tiada agama	8	1.0

Jadual 5 memaparkan maklumat berkenaan latar belakang responden yang berkaitan dengan aliran pendidikan. Daripada maklumat tersebut, adalah didapati bahawa sebahagian besar responden kajian iaitu seramai 564 orang (70.5%) mengikuti aliran sekolah kebangsaan di peringkat sekolah rendah dan majoriti iaitu seramai 691 orang (86.4%) seterusnya menyambung pelajaran di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di seluruh negara. Di sekolah jenis kebangsaan pula, seramai 236 orang (29.5%) dan di peringkat sekolah menengah jenis kebangsaan seramai 109 orang (13.6%).

Jadual 5. Latar belakang akademik responden

<i>n</i> = 800	Bilangan	Peratusan
Aliran pend. rendah		
Sek. Kebangsaan	564	70.5
Sek. Jenis Kebangsaan	236	29.5
Aliran pend. menengah		
Sek. Men. Kebangsaan	691	86.4
Sek. Men. Jenis Kebangsaan	109	13.6

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut persepsi pelajar

Kajian ini bertujuan mengkaji kewujudan implikasi Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia seperti dalam Jadual 6. Persepsi pelajar terhadap item-item ini mencerminkan implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia. Majoriti pelajar didapati bersetuju dengan item *perlembagaan menjamin hak semua kaum di Malaysia* (78.6%), *saya kurang senang dengan mana-mana rakyat Malaysia yang membelakangkan perlembagaan* (76.4%), *masyarakat majmuk di Malaysia memerlukan kontrak sosial* (75%), *Islam dan orang Melayu merupakan faktor penting dalam mewujudkan identiti Malaysia* (71.9%) dan *konflik yang timbul berkaitan dengan Islam dan orang Melayu boleh mencetuskan perpecahan kaum di Malaysia* (70.3%).

Bagi item *perlembagaan khususnya yang melibatkan Islam dan orang Melayu perlu diperbaharui dan dipinda bagi mewujudkan perpaduan kaum* (62.9%), *Islam dan istimewa orang Melayu berperanan sebagai penstabil politik* (58.8%), *Islam dan istimewa orang Melayu berperanan sebagai pemupuk perpaduan* (63.6%) dan *Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu adalah faktor pencorak hubungan etnik di Malaysia* (67.6%), adalah didapati bahawa lebih daripada separuh (lebih 58%) yang bersetuju manakala lebih daripada separuh pula, tidak atau kurang bersetuju dengan item-item *perlembagaan digubal hanya untuk kepentingan satu kaum sahaja* (28.3%) dan *Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu lebih berbentuk diskriminasi kepada sesuatu kaum* (43.1%).

Jadual 6. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik

Item Soalan	Persepsi Pelajar		
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Perlembagaan menjamin hak semua kaum di Malaysia	51(6.4)	120(15.0)	629(78.6)
Saya kurang senang dengan mana-mana rakyat Malaysia yang membelakangkan Perlembagaan	68(8.5)	121(15.1)	611(76.4)
Perlembagaan digubal hanya untuk kepentingan satu kaum sahaja	297(37.1)	277(34.6)	226(28.3)
Masyarakat majmuk di Malaysia memerlukan kontrak sosial	59(7.4)	141(17.6)	600(75.0)
Perlembagaan khususnya yang melibatkan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu perlu diperbaharui dan dipinda bagi mewujudkan perpaduan kaum	127(15.9)	170(21.3)	503(62.9)
Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu lebih	215(26.9)	240(30.0)	345(43.1)

berbentuk diskriminasi kepada sesuatu kaum			
Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai penstabil politik	128(16.0)	202(25.3)	470(58.8)
Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai pemupuk perpaduan	117(14.5)	174(21.8)	509(63.6)
Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu adalah faktor pencorak hubungan etnik di Malaysia	96(12.0)	163(20.4)	541(67.6)
Islam dan orang Melayu merupakan faktor penting dalam mewujudkan identiti Malaysia	101(12.6)	124(15.5)	575(71.9)
Konflik yang timbul berkaitan dengan Islam dan orang Melayu boleh mencetuskan perpecahan kaum di Malaysia	80(10.0)	158(19.8)	562(70.3)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan perlembagaan menjamin hak semua kaum di Malaysia

Secara keseluruhan, majoriti pelajar bersetuju dengan item *perlembagaan menjamin hak semua kaum di Malaysia* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Sebagai contoh, bagi etnik Melayu seramai 433 pelajar (89.5%), Cina seramai 149 (61.6%) dan India seramai 47 (63.5%) bersetuju dengan kenyataan tersebut. Demografi yang lain juga mempunyai pola yang sama. Keadaan ini menunjukkan majoriti pelajar Melayu, Cina dan India bersetuju bahawa Perlembagaan Persekutuan yang ada sekarang menjamin hak semua kaum di Malaysia.

Jadual 7. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

Perlembagaan menjamin hak semua kaum di Malaysia.			
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Etnik			
Melayu	8(1.7)	43(8.9)	433(89.5)
Cina	32(13.2)	61(25.2)	149(61.6)
India	11(14.9)	16(21.6)	47(63.5)
Agama			
Islam	8(1.6)	43(8.9)	434(89.5)
Buddha	23(12.3)	53(28.3)	111(59.4)
Hindu	10(14.7)	15(22.1)	43(63.2)
Kristian	8(15.4)	6(11.5)	38(73.1)
Tiada agama	2(25.0)	3(37.5)	3(37.5)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	2(2.6)	6(7.8)	69(89.6)

Matrikulasi	13(4.7)	36(13.1)	226(82.2)
STPM	35(8.1)	77(17.9)	318(74.0)
Lain-lain	1(5.6)	1(5.6)	16(88.9)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	21(3.7)	62(11.0)	481(85.3)
Sek. Jenis Keb.	30(12.7)	58(24.6)	148(62.7)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	41(5.9)	95(13.7)	555(80.3)
Sek. Men. Jenis Keb.	10(9.2)	25(22.9)	74(67.9)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan "Saya kurang senang dengan mana-mana rakyat Malaysia yang membelakangkan perlembagaan"

Secara keseluruhan, majoriti pelajar bersetuju dengan item saya kurang senang dengan mana-mana rakyat Malaysia yang membelakangkan Perlembagaan. Merujuk kepada Jadual 8, menunjukkan bahawa lebih daripada separuh pelajar iaitu 60% ke atas bersetuju dengan kenyataan tersebut. Jika ditinjau dari sudut etnik, seramai 420 (86.8%) pelajar, Cina seramai 144 (59.5%) dan India (63.5%) bersetuju dengan pernyataan "Saya kurang senang dengan mana-mana rakyat Malaysia yang membelakangkan perlembagaan". Dapatan yang sama juga diperolehi bagi faktor demografi yang lain. Dapatan ini menggambarkan bahawa pelajar Melayu, Cina dan India bersetuju bahawa Perlembagaan Persekutuan perlu diambil kira dalam melaksanakan sesuatu dasar atau program.

Jadual 8. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

Saya kurang senang dengan mana-mana rakyat Malaysia yang membelakangkan Perlembagaan.			
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Etnik			
Melayu	29(6.0)	35(7.2)	420(86.8)
Cina	29(12.0)	69(28.5)	144(59.5)
India	10(13.5)	17(23.0)	47(63.5)
Agama			
Islam	30(6.2)	35(7.2)	420(86.6)
Buddha	20(10.7)	55(29.4)	112(59.9)
Hindu	8(11.8)	17(25.0)	43(63.2)
Kristian	8(15.4)	12(23.1)	32(61.5)

Tiada agama	2(25.0)	2(25.0)	4(50.0)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	4(5.2)	7(9.1)	66(85.7)
Matrikulasi	22(8.0)	35(12.7)	218(79.3)
STPM	41(9.5)	75(17.4)	314(73.0)
Lain-lain	1(5.6)	4(22.2)	13(72.2)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	45(8.0)	55(9.8)	464(82.3)
Sek. Jenis Keb.	23(9.7)	66(28.0)	147(62.3)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	57(8.2)	93(13.5)	541(78.3)
Sek. Men. Jenis Keb.	11(10.1)	28(25.7)	70(64.2)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan perlembagaan digubal hanya untuk kepentingan satu kaum sahaja

Secara keseluruhan, majoriti pelajar kurang atau tidak bersetuju dengan item perlembagaan digubal hanya untuk kepentingan satu kaum sahaja. Merujuk kepada Jadual 9, majoriti pelajar Melayu tidak bersetuju, manakala lebih daripada separuh pelajar India (55.4%) bersetuju. Lebih separuh pelajar Cina (61.9%) sama ada kurang atau tidak bersetuju dengan item ini. Pola yang sama juga terlihat dalam demografi yang lain seperti agama, kelulusan masuk universiti, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah. Dapatan kajian menunjukkan setiap etnik pelajar merasakan perlembagaan yang ada sekarang telah digubal dengan mengambilkira hak setiap etnik yang wujud di Malaysia.

Jadual 9. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

Perlembagaan digubal hanya untuk kepentingan satu kaum sahaja.			
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Etnik			
Melayu	234(48.3)	157(32.4)	93(19.2)
Cina	49(20.2)	101(41.7)	92(38.0)
India	14(18.9)	19(25.7)	41(55.4)
Agama			
Islam	235(48.5)	157(32.4)	93(19.2)
Buddha	43(23.0)	77(41.2)	67(35.8)
Hindu	12(17.6)	18(26.5)	38(55.9)

Kristian	7(13.5)	20(38.5)	25(48.1)
Tiada agama	0(0.0)	5(62.5)	3(37.5)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	31(40.3)	28(36.4)	18(23.4)
Matrikulasi	122(44.4)	99(36.0)	54(19.6)
STPM	140(32.6)	141(32.8)	149(34.7)
Lain-lain	4(22.2)	9(50.0)	5(27.8)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	248(44.0)	184(32.6)	132(23.4)
Sek. Jenis Keb.	49(20.8)	93(39.4)	94(39.8)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	270(39.1)	237(34.3)	184(26.6)
Sek. Men. Jenis Keb.	27(24.8)	40(36.7)	42(38.5)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan masyarakat majmuk di Malaysia memerlukan kontrak sosial

Secara keseluruhan, majoriti pelajar bersetuju dengan item masyarakat majmuk di Malaysia memerlukan kontrak sosial. Merujuk kepada Jadual 10, lebih daripada 60% pelajar bersetuju dengan kenyataan tersebut. Misalnya, bagi etnik Melayu sebanyak 78.7% pelajar, Cina 71.9% dan India 60.8% bersetuju bahawa masyarakat majmuk di Malaysia memerlukan kontrak sosial. Pola yang sama juga kelihatan bagi faktor demografi yang lain. Jelas memaparkan bahawa masyarakat majmuk di Malaysia amat memerlukan kontrak sosial yang telah dipersetujui semasa menggubal perlembagaan oleh pemimpin dahulu dan perlu dikekalkan.

Jadual 10. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

Masyarakat majmuk di Malaysia memerlukan kontrak sosial.			
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Etnik			
Melayu	29(6.0)	74(7.2)	381(78.7)
Cina	20(8.3)	48(19.8)	174(71.9)
India	10(13.5)	19(25.7)	45(60.8)
Agama			
Islam	29(6.0)	74(15.3)	382(78.8)
Buddha	15(8.0)	37(19.8)	135(72.2)

Hindu	9(13.2)	17(25.0)	42(61.8)
Kristian	5(9.6)	10(19.2)	37(71.2)
Tiada agama	1(12.5)	3(37.5)	4(50.0)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	3(3.9)	14(18.2)	60(77.9)
Matrikulasi	20(7.3)	47(17.1)	208(75.6)
STPM	36(8.4)	75(17.4)	319(74.2)
Lain-lain	0(0.0)	5(27.8)	13(72.2)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	38(6.7)	90(16.0)	436(77.3)
Sek. Jenis Keb.	21(8.9)	51(21.6)	164(69.5)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	48(6.9)	124(17.9)	519(75.1)
Sek. Men. Jenis Keb.	11(10.1)	17(15.6)	81(74.3)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan perlembagaan khususnya yang melibatkan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu perlu diperbaharui dan dipinda bagi mewujudkan perpaduan kaum

Secara keseluruhan, lebih daripada separuh pelajar bersetuju dengan item perlembagaan khususnya yang melibatkan Islam dan orang Melayu perlu diperbaharui dan dipinda bagi mewujudkan perpaduan kaum. Merujuk kepada Jadual 11, walaupun lebih separuh pelajar bersetuju, namun jika dibandingkan mengikut etnik, ternyata terdapat perbezaan. Sebagai contoh, bagi etnik Melayu (53.1%) peratusan yang bersetuju adalah lebih rendah berbanding etnik Cina (79.8%) dan India (71.6%). Juga terdapat perbezaan dari segi agama, aliran pendidikan rendah dan aliran pendidikan menengah. Dapatan menunjukkan pelajar Melayu kurang menerima jika peruntukan Islam dan orang Melayu dipinda untuk mewujudkan perpaduan kaum, manakala pelajar Cina dan India majoritinya bersetuju dipinda. Situasi jelas menggambarkan bagi orang Melayu, Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan adalah sesuatu yang amat penting dan perlu dipertahankan.

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu lebih berbentuk diskriminasi kepada sesuatu kaum

Secara keseluruhan, majoriti pelajar kurang atau tidak bersetuju dengan item Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu lebih berbentuk diskriminasi kepada sesuatu kaum mengikut demografi seperti etnik, agama, aliran pendidikan rendah dan menengah. Merujuk kepada Jadual 12, majoriti pelajar berbangsa Cina (64.9%) dan India (68.9%) bersetuju akan implikasi negatif item ini berbanding etnik Melayu iaitu sebanyak 28.3% sahaja. Hal ini menunjukkan pelajar Melayu tidak menganggap Islam dan orang Melayu adalah suatu bentuk diskriminasi tetapi sebaliknya bagi pelajar Cina dan India. Hal ini kerana pelajar Melayu merasakan mereka memang berhak untuk mendapatkan keistimewaan daripada orang bukan Melayu kerana ia adalah sebahagian dari kontrak sosial yang telah dipersetujui sewaktu menggubal perlembagaan.

Jadual 11. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

Perlembagaan khususnya yang melibatkan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu perlu diperbaharui dan dipinda bagi mewujudkan perpaduan kaum.			
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Etnik			
Melayu	112(23.1)	115(23.8)	257(53.1)
Cina	9(3.7)	40(16.5)	193(79.8)
India	6(8.1)	15(20.3)	53(71.6)
Agama			
Islam	113(23.3)	115(23.7)	257(53.0)
Buddha	7(3.7)	31(16.6)	149(79.7)
Hindu	5(7.4)	15(22.1)	48(70.6)
Kristian	2(3.8)	9(17.3)	41(78.8)
Tiada agama	0(0.0)	0(0.0)	8(100.0)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	11(14.3)	16(20.8)	50(64.9)
Matrikulasi	52(18.9)	68(24.7)	155(56.4)
STPM	60(14.0)	80(18.6)	290(67.4)
Lain-lain	4(22.2)	6(33.3)	8(44.4)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	121(21.5)	124(22.0)	319(56.6)
Sek. Jenis Keb.	6(2.5)	46(19.5)	184(78.0)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	118(17.1)	156(22.6)	417(60.3)
Sek. Men. Jenis Keb.	9(8.3)	14(12.8)	86(78.9)

Jadual 12. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu lebih berbentuk diskriminasi kepada sesuatu kaum.			
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Etnik			
Melayu	195(40.3)	152(31.4)	137(28.3)
Cina	13(5.4)	72(29.8)	157(64.9)
India	7(9.5)	16(21.6)	51(68.9)
Agama			
Islam	196(40.4)	152(31.3)	137(28.2)
Buddha	9(4.8)	57(30.5)	121(64.7)
Hindu	6(8.8)	15(22.1)	47(69.1)
Kristian	4(7.7)	13(25.0)	35(67.3)
Tiada agama	0(0.0)	3(37.5)	5(62.5)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	22(28.6)	29(37.7)	26(33.8)
Matrikulasi	99(36.0)	89(32.4)	87(31.6)
STPM	89(20.7)	116(27.0)	225(52.3)
Lain-lain	5(27.8)	6(33.3)	7(38.9)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	205(36.3)	163(28.9)	196(34.8)
Sek. Jenis Keb.	10(4.2)	77(32.6)	149(63.1)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	206(29.8)	205(29.7)	280(40.5)
Sek. Men. Jenis Keb.	9(8.3)	35(32.1)	65(59.6)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai penstabil politik

Secara keseluruhan, lebih daripada separuh pelajar bersetuju dengan item Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai penstabil politik. Merujuk kepada Jadual 13, terdapat perbezaan antara etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah. Statistik mengikut etnik menunjukkan 81% pelajar Melayu bersetuju, sedangkan pelajar Cina hanya 23.6% dan India 28.4% sahaja. Keadaan ini menunjukkan pelajar Cina dan India tidak menganggap Islam dan orang Melayu mempunyai peranan sebagai penstabil

politik di Malaysia. Namun begitu, majoriti pelajar Melayu menganggap ia adalah punca kestabilan politik di Malaysia disebabkan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan merupakan sesuatu yang amat bermakna dan penting kepada orang Melayu. Hal ini kerana perbuatan mempertikaikan Islam dan orang Melayu adalah sesuatu yang sukar diterima oleh orang Melayu dan boleh menimbulkan konflik dalam masyarakat Malaysia.

Jadual 13. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai penstabil politik.			
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Etnik			
Melayu	22(4.5)	70(14.5)	392(81.0)
Cina	70(28.9)	115(47.5)	57(23.6)
India	36(48.6)	17(23.0)	21(28.4)
Agama			
Islam	22(4.5)	70(14.4)	393(81.0)
Buddha	53(28.3)	89(47.6)	45(24.1)
Hindu	34(50.0)	16(23.5)	18(26.5)
Kristian	16(30.8)	24(46.2)	12(23.1)
Tiada agama	3(37.5)	3(37.5)	2(25.0)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	7(9.1)	12(15.6)	58(75.3)
Matrikulasi	29(10.5)	64(23.3)	182(66.2)
STPM	91(21.2)	121(28.1)	218(50.7)
Lain-lain	1(5.6)	5(27.8)	12(66.7)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	59(10.5)	96(17.0)	409(72.5)
Sek. Jenis Keb.	69(29.2)	106(44.4)	61(25.8)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	102(14.8)	155(22.4)	434(62.8)
Sek. Men. Jenis Keb.	26(23.9)	47(43.1)	36(33.0)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai pemupuk perpaduan

Secara keseluruhan, lebih daripada separuh pelajar bersetuju dengan item Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai pemupuk perpaduan. Merujuk kepada Jadual 14, pola yang sama ditunjukkan seperti item yang lain iaitu terdapat perbezaan yang ketara mengikut etnik, agama, aliran pendidikan rendah dan menengah. Bagi etnik Melayu, 88.6% bersetuju berbanding etnik Cina sebanyak 23.6% dan India pula sejumlah 31.1% sahaja. Keadaan ini menunjukkan hanya pelajar Melayu beranggapan bahawa Islam dan orang Melayu berperanan sebagai pemupuk perpaduan berbanding pelajar bukan Melayu. Hal ini disebabkan pelajar bukan Melayu merasakan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan hanya menguntungkan orang Melayu sahaja dan satu bentuk diskriminasi kepada etnik yang lain. Alasan inilah yang menyebabkan pelajar bukan Melayu merasakan Islam dan orang Melayu tidak berperanan sebagai pemupuk perpaduan tetapi menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan mereka.

Jadual 14. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu berperanan sebagai pemupuk perpaduan.			
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Etnik			
Melayu	6(1.2)	49(10.1)	429(88.6)
Cina	77(31.8)	108(44.6)	57(23.6)
India	34(45.9)	17(23.0)	23(31.1)
Agama			
Islam	6(1.2)	49(10.1)	430(88.7)
Buddha	58(31.0)	85(45.5)	44(23.5)
Hindu	31(45.6)	16(23.5)	21(30.9)
Kristian	17(32.7)	22(42.3)	13(25.0)
Tiada agama	5(62.5)	2(25.0)	1(12.5)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	6(7.8)	7(9.1)	64(83.1)
Matrikulasi	22(8.0)	59(21.5)	194(70.5)
STPM	88(20.5)	106(24.7)	236(54.9)
Lain-lain	1(5.6)	2(11.1)	15(83.3)
Aliran pendidikan rendah			

Sek. Kebangsaan	40(7.1)	77(13.7)	447(39.3)
Sek. Jenis Keb.	77(32.6)	97(41.1)	62(26.3)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	85(12.3)	140(20.3)	466(67.4)
Sek. Men. Jenis Keb.	32(29.4)	34(31.2)	43(39.4)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu adalah faktor pencorak hubungan etnik di Malaysia

Secara keseluruhan, lebih daripada separuh pelajar bersetuju dengan item Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu adalah faktor pencorak hubungan etnik di Malaysia Merujuk kepada Jadual 15, pola yang sama juga berlaku dengan terdapat perbezaan persetujuan pelajar mengikut etnik, agama, aliran pendidikan rendah dan menengah. Bagi pelajar Melayu, seramai 434 (89.7%) bersetuju, sedangkan pelajar Cina hanya 32.2% dan India 39.2%. Keadaan ini jelas menunjukkan hanya pelajar Melayu beranggapan Islam dan orang Melayu berperanan sebagai pencorak hubungan etnik di Malaysia berbanding pelajar bukan Melayu kerana mempertikaikan Islam dan orang Melayu, adalah sesuatu yang sukar diterima oleh orang Melayu dan boleh menimbulkan konflik dalam masyarakat Malaysia.

Jadual 15. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu adalah faktor pencorak hubungan etnik di Malaysia.			
Etnik			
Melayu	3(0.6)	47(9.7)	434(89.7)
Cina	67(27.7)	97(40.1)	78(32.2)
India	26(35.1)	19(25.7)	29(39.2)
Agama			
Islam	3(0.6)	47(9.7)	435(89.7)
Buddha	50(26.7)	74(39.6)	63(33.7)
Hindu	23(33.8)	18(26.5)	27(39.7)
Kristian	17(32.7)	20(38.5)	15(28.8)
Tiada agama	3(37.5)	4(50.0)	1(12.5)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	4(5.2)	6(7.8)	67(87.0)

Matrikulasi	18(6.5)	51(18.5)	206(74.9)
STPM	74(17.2)	103(24.0)	253(58.8)
Lain-lain	0(0.0)	3(16.7)	15(83.3)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	21(5.5)	72(12.8)	461(81.7)
Sek. Jenis Keb.	65(27.5)	91(38.6)	80(33.9)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	71(10.3)	125(18.1)	495(71.6)
Sek. Men. Jenis Keb.	25(22.9)	38(34.9)	46(42.2)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu adalah faktor pencorak hubungan etnik di Malaysia

Secara keseluruhan, majoriti pelajar bersetuju dengan item Islam dan orang Melayu merupakan faktor penting dalam mewujudkan identiti Malaysia. Merujuk kepada Jadual 16, pola yang sama juga berlaku dengan terdapat perbezaan persetujuan pelajar mengikut etnik, agama, aliran pendidikan rendah dan menengah. Bagi pelajar Melayu, seramai 455 orang (94%) bersetuju, sedangkan pelajar Cina hanya 38% dan India pula 37.8%. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa hanya pelajar Melayu beranggapan Islam dan orang Melayu merupakan faktor penting dalam mewujudkan identiti Malaysia berbanding pelajar bukan Melayu. Hal ini kerana pelajar Melayu beranggapan Islam dan Melayu itu adalah sebahagian daripada jati diri Melayu itu sendiri sehingga timbul istilah iaitu Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu.

Jadual 16. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan ke atas hubungan etnik mengikut demografi

Islam dan orang Melayu merupakan faktor penting dalam mewujudkan identiti Malaysia.			
	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Etnik			
Melayu	2(0.4)	27(5.6)	455(94.0)
Cina	69(28.5)	81(33.5)	92(38.0)
India	30(40.5)	16(21.6)	28(37.8)
Agama			
Islam	2(0.4)	27(5.6)	456(94.0)
Buddha	53(28.3)	66(35.3)	68(36.4)

Hindu	27(39.7)	16(23.5)	25(36.8)
Kristian	16(30.8)	13(25.0)	23(44.2)
Tiada agama	3(37.5)	2(25.0)	3(37.5)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	5(6.5)	6(7.8)	66(85.7)
Matrikulasi	15(5.5)	37(13.5)	223(81.1)
STPM	81(18.8)	78(18.1)	271(63.0)
Lain-lain	0(0.0)	3(16.7)	15(83.3)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	29(5.1)	48(8.5)	487(86.3)
Sek. Jenis Keb.	72(30.5)	76(32.2)	88(37.3)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	76(11.0)	94(13.6)	521(75.4)
Sek. Men. Jenis Keb.	25(22.9)	30(27.5)	54(49.5)

Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik di Malaysia mengikut demografi berasaskan konflik yang timbul berkaitan dengan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu boleh mencetuskan perpecahan kaum di Malaysia

Secara keseluruhannya, majoriti pelajar bersetuju dengan item konflik yang timbul berkaitan dengan Islam dan orang Melayu. Merujuk kepada Jadual 17, majoriti pelajar tanpa mengira etnik bersetuju dengan pernyataan bahawa Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu boleh mencetuskan perpecahan kaum. Sebagai contoh, bagi pelajar Melayu, 68.8% bersetuju, pelajar Cina sebanyak 72.3% dan India sebanyak 73%. Majoriti pelajar Melayu, Cina dan India beranggapan bahawa Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu boleh mencetuskan perpecahan kaum jika tidak ditangani dengan baik khususnya kepada orang Melayu kerana ia sesuatu yang amat bermakna dan penting kepada orang Melayu.

Jadual 17. Persepsi pelajar terhadap implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan terhadap hubungan etnik mengikut demografi

	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju
Konflik yang timbul berkaitan dengan Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu boleh mencetuskan perpecahan kaum di Malaysia.			
Etnik			
Melayu	56(11.6)	95(19.6)	333(68.8)
Cina	16(6.6)	51(21.1)	175(72.3)
India	8(10.8)	12(16.2)	54(73.0)

Agama			
Islam	56(11.5)	95(19.6)	334(68.9)
Buddha	12(6.4)	44(23.5)	131(70.1)
Hindu	8(11.8)	11(16.2)	49(72.1)
Kristian	3(5.8)	8(15.4)	41(78.8)
Tiada agama	1(12.5)	0(0.0)	7(87.5)
Kelulusan masuk universiti			
Diploma	14(18.2)	16(20.8)	47(61.0)
Matrikulasi	28(10.2)	52(18.9)	195(70.9)
STPM	38(8.8)	87(20.2)	305(70.9)
Lain-lain	0(0.0)	3(16.7)	15(83.3)
Aliran pendidikan rendah			
Sek. Kebangsaan	63(11.2)	106(18.8)	395(70.0)
Sek. Jenis Keb.	17(7.2)	52(22.0)	167(70.8)
Aliran pendidikan menengah			
Sek. Men. Kebangsaan	76(11.0)	129(18.7)	486(70.3)
Sek. Men. Jenis Keb.	4(3.7)	29(26.6)	76(69.7)

Berdasarkan dapatan kajian berkenaan implikasi terhadap hubungan etnik di Malaysia, majoriti pelajar bersetuju dengan pernyataan bahawa *perlembagaan menjamin hak semua kaum di Malaysia, kurang senang dengan mana-mana rakyat yang membelakangkan perlembagaan, perlembagaan digubal untuk kepentingan semua kaum, masyarakat Malaysia memerlukan kontrak sosial dan konflik yang timbul berkaitan dengan Islam dan orang Melayu boleh menyebabkan perpecahan kaum di Malaysia*. Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Zaharah Hassan, Bahaman Abu Samah dan Abu Daud Silong (2006) dan Mansor Mohd Noor (2005).

Namun begitu, terdapat perbezaan yang ketara mengikut demografi seperti etnik, agama, aliran pendidikan rendah dan aliran pendidikan menengah serta tempat tinggal kini. Perbezaan ini terlihat dalam pernyataan bahawa *peruntukan Islam dan orang Melayu perlu dipinda dan diperbaharui bagi mewujudkan perpaduan kaum, berperanan sebagai penstabil politik, pemupuk perpaduan, faktor pencorak hubungan etnik, mewujudkan identiti Malaysia dan boleh mencetuskan perpecahan kaum di Malaysia*. Walaupun hanya terdapat lebih 60% pelajar Melayu, beragama Islam dan berpendidikan aliran kebangsaan yang bersetuju berbanding pelajar bukan Melayu, perkara-perkara tersebut tetap memberi implikasi terhadap hubungan etnik di Malaysia kerana orang Melayu merupakan kaum majoriti di Malaysia.

Walaupun pelajar bukan Melayu tidak beranggapan bahawa perkara tersebut memberi implikasi terhadap hubungan etnik, tetapi jika perkara ini dibangkitkan oleh pelajar bukan Melayu, perkara ini akan menimbulkan konflik kerana dianggap sensitif oleh pelajar Melayu. Jelas dibuktikan daripada jadual data-data di atas bahawa peruntukan Islam dan orang Melayu memberi kesan atau implikasi terhadap hubungan etnik di Malaysia. Kajian ini selari dengan kajian Mohd Salleh Abas (1985), Abdul Aziz Bari (2001) dan Syed Husin Ali (2008). Hal ini menunjukkan bahawa isu Islam dan orang Melayu akan terus menjadi isu atau konflik dalam masyarakat jika tidak ditangani dengan baik.

Punca yang menyebabkan peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan sering menjadi konflik dalam masyarakat mengikut persepsi pelajar

Secara keseluruhannya, para pelajar mempunyai tanggapan bahawa antara punca yang menyebabkan peruntukan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan sentiasa dibangkitkan iaitu melebihi 70% adalah kerana *kerajaan tidak mengambil kira tentang peruntukan Islam dan orang Melayu dalam sebarang dasar yang ingin dilaksanakan* (78.6% bersetuju), *jaminan hak semua kaum oleh perlembagaan* (78.61% bersetuju), *media massa merupakan faktor timbulnya isu-isu dalam perlembagaan khususnya yang melibatkan kedudukan istimewa orang Melayu dan Islam* (72.7%), *semangat tolak ansur dan persefahaman di kalangan rakyat semakin luntur* (72.7%) dan *semangat perlembagaan tidak difahami dan dihayati* (74.8%). Selain itu, item *pengetahuan tentang sejarah penggubalan perlembagaan seperti kontrak sosial tidak penting* juga merupakan faktor yang menjadi punca kepada timbulnya isu-isu Islam dan orang Melayu iaitu seramai 576 pelajar (72%) tidak setuju dan kurang setuju.

Situasi ini jelas menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti peranan kerajaan, media massa, pendidikan dan sikap bertolak ansur boleh membawa kepada konflik dalam masyarakat yang berkaitan dengan isu Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu dalam perlembagaan seperti yang disuarakan oleh Chandra Muzaffar (dalam Baharom Mahusin 2006) dan Syed Husin Ali (2008).

Jadual 18. Faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya konflik dalam masyarakat

	Tidak setuju	Kurang Setuju	Setuju
Kerajaan tidak mengambil kira tentang peruntukan Islam dan orang Melayu dalam sebarang dasar yang ingin dilaksanakan.	271 (33.9)	279 (34.9)	250 (78.6)
Jaminan hak semua kaum oleh perlembagaan	51 (6.4)	120 (15.0)	629 (78.6)
Pengetahuan tentang sejarah penggubalan perlembagaan seperti kontrak sosial tidak	347 (43.4)	229 (28.6)	224 (28.0)

penting.			
Media massa merupakan faktor timbulnya isu-isu dalam perlembagaan khususnya yang melibatkan kedudukan istimewa orang Melayu dan Islam.	75 (9.4)	172 (21.5)	553 (72.7)
Semangat tolak ansur dan persefahaman di kalangan rakyat semakin luntur	59 (7.4)	159 (27.3)	582 (72.7)
Semangat perlembagaan tidak difahami dan dihayati.	69 (8.6)	133 (16.6)	598 (74.8)

Kesimpulan dan Cadangan

Dapatan menunjukkan bahawa Islam dan orang Melayu akan terus menjadi isu dalam masyarakat di Malaysia pada masa hadapan. Hal ini mengesahkan pandangan Faridah Jalil (2007) yang menyatakan bahawa isu Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan adalah merupakan perbincangan yang sering mengalami pasang surut akan terus berlaku jika tahap penerimaan pelajar bukan Melayu tidak ditangani dengan baik agar konflik dapat dihindarkan dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana pelajar ini yang akan menjadi pemimpin dalam masyarakat dan pandangan mereka mempengaruhi pemikiran masyarakat. Walaupun pelajar bukan Melayu tidak beranggapan bahawa perkara tersebut memberi implikasi terhadap hubungan etnik, namun jika perkara ini dibangkitkan oleh pelajar bukan Melayu, ia akan menimbulkan konflik kerana dianggap sensitif oleh pelajar Melayu. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa peruntukan Islam dan orang Melayu memberi kesan atau implikasi terhadap hubungan etnik di Malaysia. Kajian ini selari dengan kajian Mohd Salleh Abas (1985), Abdul Aziz Bari (2001) dan Syed Husin Ali (2008). Hal ini menunjukkan bahawa isu Islam dan orang Melayu akan terus menjadi isu atau konflik dalam masyarakat jika tidak ditangani dengan baik.

Perihal Islam dan orang Melayu ternyata memberi implikasi besar terhadap hubungan etnik di Malaysia lantaran pelajar Melayu khususnya masih lagi sensitif dan peka terhadap hal yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu. Maka, isu ini perlu diberi perhatian yang serius agar setiap etnik di Malaysia mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap perkara yang termaktub dalam perlembagaan. Hanya melalui tahap penerimaan yang tinggi inilah konflik yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu dapat dikurangkan. Disebabkan kedua-dua isu ini sensitif dalam kalangan rakyat, sikap prejudis, rasisme dan etnosentrisme terhadap agama dan etnik lain perlu dielakkan. Perkara ini boleh dilakukan dengan mengadakan dialog antara agama dan etnik dengan lebih kerap dalam kalangan rakyat. Selain daripada peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu bergerak aktif dalam memainkan peranan yang sama.

Analisis berkenaan implikasi Islam dan orang Melayu terhadap hubungan etnik menunjukkan majoriti pelajar yakni tidak terdapat perbezaan mengikut faktor demografi tentang *perlembagaan menjamin hak semua kaum di Malaysia, saya kurang senang dengan mana-mana rakyat yang membelakangkan perlembagaan, perlembagaan digubal untuk kepentingan semua kaum, masyarakat Malaysia memerlukan kontrak sosial dan konflik yang timbul berkaitan dengan Islam dan orang Melayu boleh menyebabkan perpecahan kaum di Malaysia*. Namun begitu, terdapat perbezaan yang ketara mengikut demografi seperti etnik, agama, aliran pendidikan rendah dan aliran pendidikan menengah. Perbezaan ini terlihat dalam pernyataan bahawa *peruntukan Islam dan orang Melayu perlu dipinda dan diperbaharui bagi mewujudkan perpaduan kaum, berperanan sebagai penstabil politik, pemupuk perpaduan, faktor pencorak hubungan etnik, mewujudkan identiti Malaysia dan boleh mencetuskan perpecahan kaum di Malaysia*. Hal ini jelas membuktikan bahawa peruntukan Islam dan orang Melayu memberi kesan atau implikasi terhadap hubungan etnik di Malaysia

Faktor-faktor seperti *kerajaan tidak mengambil kira peruntukan Islam dan orang Melayu dalam sebarang dasar yang ingin dilaksanakan, jaminan hak semua kaum oleh perlembagaan, pengetahuan tentang sejarah penggubalan perlembagaan, peranan media massa, semangat tolak ansur antara etnik semakin luntur dan semangat perlembagaan tidak difahami dan dihayati* merupakan perkara yang menjadi punca kepada timbulnya konflik dalam masyarakat berkaitan dengan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan.

Lebih 70% pelajar bersetuju punca kepada timbulnya isu berkaitan dengan Islam dan orang Melayu adalah seperti *semangat tolak ansur dan persefahaman dalam kalangan rakyat semakin luntur dan semangat perlembagaan tidak difahami dan dihayati*. Perkara-perkara ini perlu diambil kira dalam menangani isu yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan, baik melalui media massa mahupun dalam pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Pendapat yang sama juga diluahkan oleh Raja Nazrin Shah (2008) berkenaan kebimbangan terhadap kecenderungan rakyat negara ini yang semakin hilang sifat tolak ansur lantas menyebabkan wujud pemisahan masyarakat mengikut etnik dan agama dengan terdapat kumpulan masyarakat yang tidak senang hati terhadap layanan istimewa manakala kumpulan lain melihat layanan istimewa itu sebagai hak yang tidak boleh dipersoalkan.

Lantas, faktor-faktor ini perlu diberi perhatian dalam menangani isu yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan, khususnya dalam melaksanakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang telah dilancarkan oleh kerajaan (Nazri Muslim 2011). Hal ini seperti yang dirumuskan oleh Abdul Rahman Embong (2006) iaitu konflik di Malaysia mampu dielakkan kerana

diasaskan dengan prinsip mengekalkan dan menghormati kepelbagaian kaum, budaya, bahasa dan agama seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan serta rakyat juga perlu sedar tentang perlunya mematuhi peruntukan dalam perlembagaan.

Rujukan

- Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 81.
- _____. 2002. *Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan peranan dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2001. *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir Yaacob. 1996. Kedudukan dan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia. In *Tinjauan kepada perundangan Islam*. eds. Abdul Monir Yaacob and Sarina Othman. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. 2006. *Negara-Bangsa: Proses dan perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Ibrahim. 1997. *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Awang Sariyan. 2008. Mempertahankan bahasa negara di Malaysia. In *Kemerdekaan dan Perhambaan*. ed. Zainal Kling. Kuala Lumpur: GAPENA.
- _____. 2008. Trend penulisan kritis semasa: Analisis isu-isu utama bangsa dan negara. *Kesturi* 15(1&2): 14–37.
- Azman Amin Hassan. 2005. Solving conflicts in a multicultural society: The case of Kampung Medan. In *Reading on ethnic relations in a multicultural society*. eds. Muhammad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hassan. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 111.
- Baharom Mahusin. 2006. Arah hubungan kaum di Malaysia. *Utusan Malaysia*, 26 November.
- Berita Harian*. 2009. Hayati sejarah perlembagaan. 17 Februari.
- _____. 2008. Jangan sentuh Kontrak Sosial. 17 Oktober.
- Che Omar Bin Che Soh v. Public Prosecutor*, [1988] 2 Malayan Law Journal 55.
- Cheah Boon Kheng. 2004. *The challenge of ethnicity: Building a nation in Malaysia*. Singapore: Marshall Cavendish Academic.
- Faridah Jalil. 2007. Perlembagaan Persekutuan menangani cabaran semasa dan mendatang. In *Undang-undang Malaysia: 50 tahun merentasi zaman*. ed. Faridah Jalil. Bangi: Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fazilah Idris. 2008. The influence of individual attributes on inter-ethnic tolerance among early youth in Selangor. PhD. thesis diss. Universiti Putra Malaysia.
- Fernando, J. M. 2002. *The making of the Malayan Constitution*. Kuala Lumpur: JMBRAS.
- Furnivall, J. S. 1948. *Colonial policy and practice: A comparative study of Burma and Netherland India*. New York: New York University Press.

- Hjh. Halimatus Saadiah v. Public Service Commission*, [1992] 1 Malayan Law Journal 513.
- Harding, A. 1996. *Law, government and the Constitution in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Hashim Musa. 2005. *Pemeriksaan tamadun Melayu Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hashim Yeop A. Sani. 1973. *Perlembagaan kita*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd.
- _____. n.d. *Islam dalam Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Institut Dakwah dan Latihan Islam.
- Hasnah Hussin. 2007. Pembangunan etnik di Malaysia. *Pemikir* 48(April–Jun): 29–50.
- Heng, P. K. 1988. *Chinese politics in Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Hickling, R. H. 1960. *An introduction to the Federal Constitution*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Institut Tadbiran Awam Negara. 1992. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Faaland, J., Parkinson, J. and Rais Saniman. 2002. *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan negara dan pencapaian ekonomi orang Melayu*. Petaling Jaya: SPEKTRA.
- Karl von Vorvys. 1975. *Democracy without consensus*. Princeton: Princeton University Press.
- Krejcie, R. V. and Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement* 30(3): 607–610.
- Leong, H. L. 2003. Ethnicity and class in Malaysia. In *Ethnicity in Asia*. ed. Colin Mackerras. London: Routledge Curzon.
- Lina Joy v. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*, [2004] 2 Malayan Law Journal 119.
- Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia kesembilan 2006–2010*. Kuala Lumpur: Unit Perancangan Ekonomi.
- _____. 2004. *Pelan tindakan perpaduan dan integrasi nasional lima tahun (2005–2010)*. Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Mansor Mohd Noor. 2005. *Integrasi etnik di IPTA*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz and Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. *Hubungan etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Means, G. P. 1991. *Malaysian politics: The second generation*. Singapore: Oxford University Press.
- Meor Atiqurrahman bin Ishak v. Fatimah bte Shihi*, [2000] 5 Malayan Law Journal 375.
- Milne, R. S and Mauzy D. K. 1992. *Politics and government in Malaysia*. Singapore: Time Book International.
- Minister of Home Affairs v. Jamaluddin bin Othman*, [1989] 1 Malayan Law Journal 418.
- Mohamed Suffian Hashim. 1987. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Suffian Hashim, Lee, H. P and Trindade, F. A. 1983. *Perlembagaan Malaysia: Perkembangannya, 1957–1977*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abas. 1985. *Unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1984. *Sejarah Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Narizan Abdul Rahman. 2007. Memahami Islam dalam Perlembagaan Malaysia. In *Koleksi rencana merdeka: 50 tahun kemerdekaan Malaysia 1957–2007*. ed. Mohamad Hj. Alias. Nilai, Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nazri Muslim. 2011. Islam dan Orang Melayu menurut perlembagaan dalam konteks hubungan etnik: Kajian ke atas pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. PhD thesis diss. Universiti Malaya.
- Oppenheim, A. N. 2004. *Questionnaire design, interviewing and attitude measurement*. London: Heinemann.
- Raja Nazrin Shah. 2008. Kestabilan minda Melayu penting. *Utusan Malaysia*, 20 April.
- Ramlah Adam. 2004. *Biografi politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratnam, K. J. 1969. *Communalism and the political process in Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Rosfazila Abd Rahman dan Ayu Nor Azilah Mohamad. 2007. Persepsi orang Melayu terhadap peruntukan keistimewaan orang Melayu dalam perlembagaan. *Prosiding Persidangan Undang-Undang Tuanku Jaafar 2007*. Bangi, Selangor: Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schaefer, R. T. 2002. *Racial and ethnic group: Census 2000 update*. New Jersey: Prentice Hall.
- Shad Saleem Faruqi. 2003. Affirmative action policies and the constitution. *Journal of Malaysian Studies* 21(1&2): 34–35.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. *Modul hubungan etnik*. Shah Alam: UPENA.
- Sheriden, L. A and Groves, H. E. 1979. *The constitutions of Malaysia*. Singapore: Malayan Law Journal.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Smith, M. G. 1965. *The plural society in the British West Indies*. Berkeley: University of California Press.
- Syed Husin Ali. 2008. *The Malays: Their problem and future*. Petaling Jaya: The Others Press.
- Syed Muhammad Naqiub al-Attas. 1972. *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teoh Eng Huat v. Kadhi of Pasir Mas and Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, [1990] 2 Malayan Law Journal 306.
- Ting, C. P. 1987. *Hubungan ras dan etnik: Suatu pengantar*. Kuala Lumpur: Pustaka Dimensi.
- Tuckman, B. W. 1999. *Conducting educational research*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Utusan Malaysia*. 2007. Tiga tonggak utama bina negara. 5 Ogos.
- _____. 2004. Jangan pertikai isu negara Islam. 11 Jun.
- _____. 2001. Betulkan tanggapan generasi muda. 16 Februari.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2001. *Pembangunan di Malaysia*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Wiersma, W. 1995. *Research methods in education: An introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Wong Ah Fook v. State of Johore*, [1937] Malayan Law Journal 128.

- Zaharah Hassan, Bahaman Abu Samah and Abu Daud Silong. 2006. Persepsi pelajar universiti terhadap perpaduan Negara. In *Readings on ethnic relations in a multicultural society*. eds. Zaharah Hassan, Abdul Latif Samian dan Abu Daud Silong. Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Abidin Borhan. 2008. Apakah Melayu dan kemelayuan akan terpinggir. In *Kemerdekaan dan Perhambaan*. ed. Zainal Kling. Kuala Lumpur: GAPENA.
- Zainal Kling. 2008. Gerakan memperjuangkan Melayu. *Dewan Masyarakat*. Jun.